Jilid II
Bil. 59

Hari Khamis
25hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6113]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)—

Jadual—

Kepala B. 28 [Ruangan 6129]

Kepala B. 29 dan B. 30 [Ruangan 6177]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6128]

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)—

Kepala P. 28 [Ruangan 6129]

Kepala P. 29 dan P. 30 [Ruangan 6177]

DICETAK OLEH
IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR
1978

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknoloji dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

" Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).

" Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

" Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

" Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

" Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

" Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

" Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).

" Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

" Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).

" Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

" Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).

" Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).

" Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

" Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

" Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

,, Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

,, TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

,, TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).

,, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

,, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).

,, TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).

,, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).

,, TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).

,, TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

,, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).

,, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

,, PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

,, TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

,, TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

,, PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

,, TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).

,, TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).

,, TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

,, TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

,, TUAN AZHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).

,, TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

,, TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

,, DR CHEN MAN HIN (Seremban).

,, TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

,, TUAN CHENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

,, TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

,, PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).

,, TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

,, TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

,, TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

,, TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

,, TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

„ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

„ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).

„ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).

„ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).

„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).

„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

„ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

„ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K. (Hilir Padas).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

„ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).

„ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

„ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

„ TUAN OH KENG SENG (Petaling).

„ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).

„ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).

„ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).

„ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).

„ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).

„ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).

„ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).

„ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

„ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).

„ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).

„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).

„ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).

„ TUAN SU LIANG YU (Beruas).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).

„ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).

„ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).

„ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

„ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

„ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 25hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PENCOLEKAN

1. Tuan Haji Jamil bin Ishak (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) berapa banyakkah kejadian pencolekan sepanjang tahun ini mengikut jenis pencolekan itu, iaitu pencolekan gadis-gadis, pencolekan hartawan dan lain-lain lagi;

(*b*) daripada kejadian pencolekan itu berapa banyakkah yang telah dapat ditumpaskan dan berapa pula yang memakan korban nyawa dan harta benda;

(*c*) apakah hukuman yang seberat-beratnya kepada mereka yang melakukan pencolekan itu; dan

(*d*) memandangkan betapa buruknya akibat kejadian pencolekan itu adakah Kerajaan bercadang untuk menambah-beratkan lagi hukuman kepada pencolek-pencolek itu atau mengadakan satu langkah bagi membasmikan kejadian-kejadian colek itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Sepanjang tahun ini Januari hingga 15hb Oktober, 1976 sebanyak 47 kes pencolekan telah dilapurkan dan jenis-jenisnya adalah seperti berikut:

(i) 28 kes pencolekan gadi-gadis;

(ii) 4 kes pencolekan hartawan;

(iii) 15 kes yang lain (iaitu termasuk kanak-kanak, suri rumahtangga dan pekerja biasa).

(*b*) Daripada 47 orang yang dicolek:

(i) 37 orang telah diselamatkan oleh pihak Polis atau dibebaskan;

(ii) 8 orang iaitu 5 orang gadis, seorang lelaki Melayu, seorang lelaki China dan seorang bayi masih belum dibebaskan lagi; dan

(iii) 2 orang telah terbunuh iaitu seorang kanak-kanak lelaki China dan seorang pemuda China.

Wang tebusan yang telah dibayar kepada pencolek-pencolek dalam tempoh yang sama oleh pihak keluarga di antara yang terlibat berjumlah $181,650.00.

(*c*) Dalam tempoh yang sama 31 orang pencolek telah ditangkap dan 3 orang daripada mereka didapati bersalah dibawah Kanun Keseksaan. Hukuman keatas mereka adalah seperti berikut:

(i) seorang telah dikenakan hukuman penjara selama 2 tahun dan didenda $500;

(ii) seorang telah dikenakan hukuman penjara selama 1 tahun dan didenda $200;

(iii) seorang telah dikenakan ikat jamin berkelakuan baik dengan wang jaminan $500 selama 1 tahun.

(*d*) (i) Hukuman yang diperuntukkan menurut Undang-undang yang ada sekarang adalah sudah memadai, seperti berikut:

Di bawah Undang-undang Kanun Keseksaan

Penjara seumur hidup, denda dan rotan.

Di bawah Akta Pencolekan 41/61

Penjara seumur hidup, denda dan rotan.

(ii) Pihak Polis sentiasa berwaspada terhadap mengkaji tindakan-tindakan yang harus diambil untuk mengawal kejadian-kejadian seperti ini. Dalam pada itu pengawasan sedang diperbuat ke atas anasir-anasir jahat yang diketahui dan dipercayai mungkin akan melakukan kegiatan-kegiatan seperti ini.

RUMAH ORANG-ORANG TUA

2. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada Kementeriannya mempunyai sebarang rancangan atau cadangan untuk mendirikan lebih banyak rumah-rumah orang miskin dan orang-orang tua. Kalau tidak, adakah Kementeriannya bercadang hendak memperbesarkan rumah-rumah yang telah sedia ada di dalam negeri itu untuk membolehkan ramai lagi orang-orang tua diterima masuk ke dalam rumah-rumah itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Am bercadang akan mendirikan sebuah lagi Rumah Orang-orang Tua di Pahang untuk 320 orang penghuni dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan wang tanda sebanyak $10 untuk projek ini telahpun diluluskan.

SELAT MELAKA—REBUTAN KUASA BESAR

3. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Undang-undang menyatakan samada Kerajaan telah mengambil tindakan yang wajar supaya Selat Melaka tidak dijadikan rebutan pihak-pihak kuasa besar dunia, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil setakat ini.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa kuasa-kuasa Besar terlibat dalam perebutan untuk menguasai Selat Melaka. Dan juga tiada apa-apa tanda yang menunjukkan kuasa-kuasa itu ada tujuan demikian. Kepentingan kuasa-kuasa itu di Selat Melaka adalah, setakat ini, terutama sekali untuk mempastikan adanya kebebasan belayar melalui Selat Melaka.

Satu daripada cara-cara yang terbaik untuk mencegah kuasa asing daripada menguasai atau mengganggui Selat Melaka ialah dengan mempastikan kekalnya kebebasan belayar melalui Selat Melaka. Sebagaimana yang dijelaskan, kapal-kapal negara asing adalah menikmati hak lalu secara ikhlas menerusi Selat itu. Setakat ini kita telah menghormati hak mereka itu dan mereka pula tidak pernah bertindak dengan apa-apa jua cara yang memudaratkan kepentingan keselamatan kita.

Sekiranya ada sesuatu percubaan daripada mana-mana Kuasa asing hendak menguasai Selat Melaka manakala Negara-negara pantai menghormati kebebasan belayar melaluinya maka percubaan itu akan dianggap sebagai suatu percubaan untuk menceroboh kedaulatan-kedaulatan Negara-negara pantai. Sudahpun diketahui bahawa laut wilayah kita pada masa ini adalah sejauh dua belas batu. Demikian jua keadaannya dengan Indonesia. Oleh itu seluruh kawasan itu adalah di bawah kedaulatan kedua buah Negara pantai.

Apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana kuasa asing pada menceroboh kedaulatan kita akan dianggap sebagai suatu perbuatan permusuhan.

Perlu disebutkan di sini Perisytiharan ASEAN, 1971 mengenai menjadikan Tenggara Asia kawasan berkecuali. Di bawah Perisytiharan itu lima buah negara ASEAN adalah berazam untuk menjalankan usaha-usaha yang perlu untuk mendapatkan pengiktirafan dan penghormatan bagi Tenggara Asia sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali. Selat Melaka adalah sesungguhnya termasuk dalam kawasan yang dinyatakan dalam Perisytiharan itu.

FELDA—TABUNG SIMPANAN PENEROKA

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah sekim Tabung Simpanan Peneroka akan dilancarkan semula dan apakah caranya sedangkan pada masa ini pendapatan peserta FELDA sangatlah berkurangan.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, FELDA telahpun memulakan semula Tabung Simpanan Peneroka dan peraturan-peraturan Tabung tersebut telahpun digezetkan melalui *Gazet* No. P.U. (A) 200 bertarikh 1hb Julai, 1976. Pihak pentadbiran FELDA sedang mengadakan kempen menggalakkan peneroka-peneroka sekelian menggunakan Tabung Simpanan yang telah ditubuhkan itu.

Cara yang akan dijalankan ialah menggalakkan peneroka-peneroka menyimpan wang semasa pendapatan mereka lumayan dan mengeluarkan wang itu untuk menampung kekurangan apabila pendapatan mereka merosot.

CEK PEMILIK AKAUN BANK

5. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau bercadang mengarah semua bank-bank dan institusi-institusi kewangan untuk mempastikan bahawa semua cek-cek mestilah di cap nama-nama dan alamat-alamat pengeluar-pengeluar wang supaya faedah-faedah orang ramai dapat dilindungi dengan sesungguh-sungguhnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bergantunglah kepada kemampuan dan keupayaan sesebuah bank. Kebanyakan bank sekarang ini telahpun mencetak nama pemilik-pemilik akaun dan nombor akaun bank di atas tiap-tiap cek yang dikeluarkan kepada mereka. Di samping maklumat-maklumat tersebut, pengenalan ke atas pemilik-pemilik akaun itu adalah penting juga. Berhubung dengan pembawa cek yang hendak mengeluarkan wang tunai, mereka dikehendaki menandatangani cek tersebut dan kadang-kadang berserta dengan nombor-nombor Kad Pengenalan mereka. Bank pula akan memeriksa samada cek tersebut telah dikeluarkan oleh pemiliknya atau sebaliknya berdasarkan kepada keaslian tandatangan pemilik yang terdapat pada cek tersebut. Jika tidak memuaskan, pemilik cek itu sendiri akan dirujuk. Setelah berpuas hati bahawa cek tersebut adalah tulin baharulah bank akan membuat pembayaran kepada pembawa cek tersebut. Oleh kerana amalan sekarang tidak menimbulkan kesulitan kepada bank-bank perdagangan dan juga pelanggan-pelanggan mereka dan memandangkan selama ini ianya telah meluas dipakai, saya tidaklah bercadang buat pada masa ini untuk membuat arahan kepada semua bank-bank sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

KEBERSIHAN KUALA LUMPUR

6. Tuan Haji Mohd. Idris bin Ibrahim minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa keadaan Kuala Lumpur makin sehari kebersihannya bertambah buruk seperti di tepi-tepi jalan penuh dengan lalang, pengangkutan sampah tidak sempurna dan jalan-jalan yang dibaiki dan dikorek tidak dibaiki semula. Jika sedar, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan kebersihan Kuala Lumpur pada keseluruhannya tidaklah seburuk yang disangka oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Semenjak 1hb Januari, 1976, Dewan Bandaraya telah mengambil alih tugas-tugas perkhidmatan pembersihan di 25 buah kawasan perumahan di dalam Wilayah Persekutuan. Perkhidmatan pengangkutan sampah di kawasan Wilayah Persekutuan telah dijalankan setiap selang sehari. Untuk lebih melicinkan tugas ini lori-lori pengangkutan sampah telah ditambah sehingga menjadi 80 buah dan bilangan buruh-buruh telah ditambah daripada 1,100 orang menjadi 1,700 orang. Walau bagaimanapun, ada beberapa faktor yang boleh mengendalakan kelicinan kerja-kerja tersebut pada masa-masa yang tertentu seperti kerosakan lori-lori, pekerja-pekerja yang tidak hadir terutama pada hari-hari perayaan seperti hari Deepavali dan Hari Raya.

Selain daripada itu, orang ramai juga harus disalahkan kerana kurang bertanggungjawab dan lalai. Mereka seringkali membuang sampah di merata-rata, terutamanya di kawasan-kawasan lapang, di tepi-tepi jalan dan juga di sekeliling tong-tong sampah ke dalam tong-tong sampah yang disediakan oleh Dewan Bandaraya.

Untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan sampah, Dewan Bandaraya akan menambah bilangan lori, pekerja-pekerja samada merinyu-merinyu atau buruh-buruh dan menguat-kuasakan undang-undang dengan mmepergiatkan kempen kebersihan.

Mengenai pemotongan lalang ianya dijalankan secara kontrek oleh kontrektor-kontrektor persendirian. Di setengah-setengah kawasan perumahan tugas memotong rumput dan lalang tidak dapat diambil alih oleh Dewan Bandaraya kerana pemaju-pemaju perumahan tidak mencapai taraf yang ditetapkan sebelum kawasan perumahan tersebut diserahkan kepada Dewan Bandaraya untuk diambil alih. Walau bagaimanapun, keadaan ini akan menjadi lebih baik menjelang akhir tahun 1976 ini.

Mengenai jalan-jalan yang dibaiki dan dikorek, sentiasa dibaiki semula untuk kemudahan-kemudahan orang ramai. Pengorekan jalan tidak dapat dielakkan kerana terdapat kerja-kerja dharurat yang dilakukan oleh jabatan-jabatan seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Talikom, Jabatan Kerja Air dan sebagainya.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Kita telah mendengar panjang-lebar penerangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya hendak tanya samada beliau sedar atau tidak iaitu walaupun Dewan Bandaraya banyak mempunyai alat dan kelengkapan, tetapi yang kurang ialah pengawasan. Pengawasan baik dari segi pekerja-pekerja Dewan Bandaraya sendiri dan juga kepada pekerja-pekerja yang diberikan secara kontrek. Kalau sedar, apakah tindakan yang patut dibuat. Dimanakah silapnya yang pengawasan Bandaraya begini lemah sekarang ini.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Saya akan siasat.

STESYEN KERETAPI KUALA LUMPUR

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah beliau sedar bahawa:

(*a*) Stesyen Keretapi di Kuala Lumpur pada keseluruhannya atapnya bocor dan tiris di kala hari hujan terutama di Kantin dan di tempat rihat Stesyen Hotel;

(*b*) Kantin gerabak Kelas Tiga malam tidak sesuai langsung;

(*c*) Kantin Keretapi di Kuala Lumpur juga banyak lalat;

(*d*) Setengah-setengah stesyen rumputnya sudah panjang dan tidak bersih dan kadangkala ada berbau hancing pula;

(*e*) Adakah cadangan untuk menyediakan surau di stesyen-stesyen yang jauh dari surau dan mesjid di tempat itu; dan

(*f*) Restoran keretapi di Kuala Lumpur tiada tandas.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Kebocoran yang dimaksudkan telahpun dibaiki dan kerja ini dilaksanakan serentak dengan kerja membaiki menara stesyen yang telah rosak.

(*b*) Pentadbiran Keretapi hanya menggunakan kantin gerabak kelas satu dan dua sahaja kepada semua teren-teren penumpangnya dan tidak kantin gerabak kelas tiga. Kantin gerabak kelas dua adalah digunakan bersama oleh penumpang-penumpang kelas dua dan tiga dan pada musim cuti-cuti perayaan istimewanya bagi teren-teren malam, gerabak kantin ini digunakan oleh penumpang sebagai gerabak penumpang meskipun ianya tidak dimaksudkan untuk tujuan penumpangan. Tindakan sedang diambil di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk memperelokkan koc-koc restoran yang dilengkapkan kepada teren-teren penumpang.

(c) Kebersihan kantin stesyen adalah sentiasa dipelihara, namun demikian dalam masa-masa teren dijalankan manakala ramai penumpang-penumpang yang berpusu di kantin itu, ada kemungkinan "kontrektor" kantin itu tidak mempunyai kesempatan membersihkan kantin itu dengan serta-merta. Ubat pencegah serangga adalah sentiasa digunakan. Kebersihan kantin ini memanglah sentiasa diawasi dan pihak Pentadbiran Keretapi Tanah

Melayu tidak akan teragak-agak mengambil tindakan mengusir kontrektor berkenaan jika mereka tidak berkerjasama.

(*d*) Tindakan ada diambil untuk memotong rumput dan membersihkan sampah-sarap di semua stesyen dan lain-lain installasi-installasi keretapi dan kerja-kerja ini diselenggarakan oleh Juruterajurutera Daerah Keretapi dengan menggunakan pekerja-pekerja secara bergiliran dari satu tempat ke satu tempat di dalam sesuatu kawasan itu.

(*e*) Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu tidak ada mempunyai rancangan untuk membina surau di stesyen-stesyen kecil yang jauh dari mesjid. Walau bagaimanapun, Pentadbiran ini menyediakan tempat-tempat sembahyang bagi orang-orang Islam di beberapa stesyen dan tempat bekerja di mana yang difikirkan sesuai.

(*f*) Restoran keretapi di stesyen Kuala Lumpur adalah untuk kegunaan penumpang-penumpang teren dan untuk penumpang-penumpang ini, Pentadbiran telahpun mengadakan dua tandas di dalam dewan kelas tiga dan dua tandas lagi di peletfom Nombor Satu dan kedua-dua tandas ini adalah berdekatan.

PERMOHONAN DAFTAR KONSESI KEPADA NEGARA ASEAN

8. Tuan Ooi Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan oleh sebab sambutan yang tiada memuaskan yang diberi kepada negara ASEAN berkenaan dengan permohonan daftar konsesi (concession) bagi hasil/pengeluaran tropikanya oleh negara-negara yang telah maju; apakah pula langkah negara kita dan negara-negara ASEAN yang maju supaya konsesi (concession) yang mustahak atas hasil/pengeluaran tropika boleh didapati.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan konsesi yang lebih meluas dan memuaskan bagi barang-barang tropika Malaysia dari negara-negara maju di Perundingan Perdagangan Banyak Pihak ataupun Multilateral Trade Negotiation yang berlangsung di Geneva, Kerajaan sedang memperkuatkan perundingan dua pihak (bilateral consultations) dengan negara-negara maju berkenaan untuk tujuan tersebut. Di samping itu Malaysia juga mengambil tindakan multilateral bersama dengan negara-negara ASEAN untuk mendapatkan konsesi yang lebih baik melalui Pendekatan Bersama ASEAN dan sementara itu juga bersama semua negara-negara membangun yang menyertai perundingan di Geneva terus menggesa dan menekan negara-negara maju supaya memperbaiki senarai konsesi masing-masing.

Setakat ini Malaysia telah menerima beberapa konsesi untuk barangan tropikanya. Konsesi dalam untuk pengurangan kadar tarif impot telah dibuat ke atas beberapa barangan seperti lada (dibuat oleh Amerika Syarikat, Persatuan Ekonomi Eropah, Australia, Jepun dan Canada) beberapa keluaran kayu-kayuan seperti kayu lapis jenis tertentu, kayu veneer (diberi oleh Amerika Syarikat) minyak kelapa (diberi oleh Amerika dan Persatuan Ekonomi Eropah) dan juga kelapa sawit untuk kegunaan perindustrian dari Persatuan Ekonomi Eropah. Persatuan Ekonomi Eropah juga telah membuat konsesi untuk menghapuskan sekatan impot dalam bentuk kota ke atas nenas dalam tin yang dahulunya dikenakan sekatan "global" kota sebanyak 20,000 tan. Semua konsesi-konsesi ini dijangka akan dilaksanakan pada 1-1-77. Namun demikian, Malaysia tidak berpuashati setakat ini dan akan terus berunding untuk menggesa negara-negara maju berkenaan memperluaskan konsesi masing-masing supaya meliputi semua barang-barang utama tropika kita seperti keluaran kayu-kayuan, keluaran getah dan juga keluaran-keluaran kilang kelapa sawit.

BEKALAN LETRIK DI BUKIT MERTAJAM

9. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

(*a*) adakah beliau sedar iaitu bekalan letrik dalam Daerah Bukit Mertajam sekarang ini berada dalam keadaan yang sangat tidak memuaskan dan telah mengalami kerosakan yang kerap dan menggelap-gulitakan, yang telah mengakibatkan kerugian kepada Kilang-kilang Perusahaan, Makanan,

Panggung-panggung Wayang, Restoran-restoran dan lain-lain lagi tidak termasuk kejadian-kejadian jenayah dan pencurian; dan

(*b*) adakah beliau sedar bahawa setengah-setengah kawasan dalam Daerah Bukit Mertajam keadaan kuasa Letrik (Power Voltage) telah turun begitu rendah sekali sehingga kanak-kanak sekolah tidak dapat membaca pelajaran-pelajaran mereka di rumah di waktu malam jika tidak dibantu dengan cahaya-cahaya lilin dan pengguna-pengguna dalam kawasan-kawasan yang terlibat itu tidak dapat menikmati keselesaan tayangan T.V. dan penyiaran Radio mereka.

Jika beliau sedar atas hal-hal yang berlaku itu apakah tindakan yang ia bercadang hendak ambil untuk membaiki dan mengatasi kejadian dan kelemahan-kelemahan ini dan berapa lamakah pihak L.L.N. dapat mengambil tindakan bagi membaiki dan memulihkan semula keadaan kerosakan dan kelemahan yang berlaku itu.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) saya sedar tentang masaalah gangguan bekalan letrik yang berlaku di daerah Bukit Mertajam, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

(*b*) saya juga sedar bahawa setengah-setengah kawasan dalam daerah ini telah mengalami masaalah voltan rendah.

Sebab-sebabnya masaalah ini timbul ialah:

(1) Pembekalan 33 KV daripada Perai ke Bukit Mertajam adalah tertakluk di dalam gerganti under-frequency pada peringkat satu dan pada beberapa bulan yang kebelakangan ini telah terpelanting beberapa kali mengakibatkan gangguan bekalan kerap berlaku di Bukit Mertajam.

(2) Oleh kerana rancangan pembangunan di bawah beberapa jabatan Kerajaan di Bukit Mertajam beberapa kerosakan ke atas kebel bawah tanah 11 kilowatt telah berlaku akibat pengurikan yang tidak diawasi dengan rapi oleh kontrektor, ini bukan sahaja memberi kesan kepada penduduk-penduduk Bukit Mertajam tetapi juga menambahkan bebanan ke atas pekerja-pekerja Lembaga Letrik Negara Bukit Mertajam yang telah pun berat. Walau bagaimanapun masaalah-masaalah tersebut adalah dalam perhatian berat Kementerian saya dan Lembaga Letrik Negara sedang meneruskan usaha-usaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengatasi masaalah ini dengan secepat mungkin. Pihak Lembaga Letrik Negara telah menyediakan projek-projek untuk menukarkan rangkaian voltan rendah ke beberapa kawasan yang terlibat dan telah membaiki kekurangan voltan di kawasan-kawasan itu. Usaha-usaha ini terus dijalankan ke kawasan lain yang masih mengalami masaalah voltan rendah ini.

HUKUMAN PENJARA KERANA DADAH

10. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Undang-undang menyatakan:

(*a*) bilangan rakyat Malaysia yang sedang menjalani hukuman penjara di luar negeri kerana berniaga dadah;

(*b*) nama-nama negara di mana mereka dipenjarakan;

(*c*) penangkapan berhubung dengan dadah yang paling besar yang pernah dibuat yang melibatkan rakyat Malaysia; dan

(*d*) samada beliau sedar bahawa langkah-langkah yang diambil setakat ini seperti syarahan, pamiran dan lain-lain lagi untuk mengawal perbuatan jahat ini telah tidak mendatangkan pertolongan sangat dan apakah usaha yang giat lagi bagi menghapuskan punca utama yang menyebabkan penyakit ini dan tempat-tempat pembekalannya yang akan dibuat tidak berapa lama lagi.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Sehingga 3hb Julai, 1976 jumlah yang masih dalam tahanan ialah 94 orang;

(*b*) Nama negara-negara yang terlibat ialah Russia, Jepun, Arab Saudi, Amerika Syarikat, Thailand, Perancis, German Barat, Austria, Netherland, Belgium dan New Zealand;

(*c*) Rampasan yang paling besar pernah dibuat melibatkan rakyat Malaysia adalah seperti berikut:

(i) *Diseberang laut:* 44 paun heroin telah dirampas dari 10 orang rakyat Malaysia di Lapanganterbang Vienna, Austria pada 11hb Januari, 1975. Berikutnya 57 paun heroin dirampas dari 9 orang rakyat Malaysia di Lapanganterbang Brussel, Belgium. Tangkapan dan rampasan di kedua tempat tersebut dibuat adalah hasil dari maklumat yang diberi oleh pihak berkuasa Malaysia sendiri.

(ii) *Dalam Negeri:* Rampasan paling besar pernah dibuat dalam negeri ialah di Sungai Patani, Kedah pada 24hb Julai, 1976 dalam mana Pusat Biro Narkotik Malaysia telah menangkap 7 orang pengedar dadah dan merampas 23 paun heroin dari mereka.

(*d*) Langkah-langkah pencegahan seperti syarahan, pamiran dan sebagainya itu adalah berfaedah terutamanya dari segi memberi kesedaran kepada orang ramai terutamanya ibu bapa terhadap bahaya-bahaya yang terbit akibat dari ketagihan dadah serta apakah tanggungjawab mereka. Sehingga ini ramai dari kalangan penagih dadah yang telah tampil ke hadapan untuk mendapat rawatan dan pemulihan.

Di samping itu pula dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan melalui PEMADAM (Persatuan Mencegah Salahguna Dadah Malaysia) berbagai-bagai kesan yang berfaedah adalah dialami. Keanggotaan kakitangan dalam ajensi-ajensi Kerajaan juga yang terlibat dengan kuatkuasa dan undang-undang, rawatan dan pemulihan akan ditambah. Walau bagaimanapun, adalah perlu untuk orang ramai memberikan bantuan dan kerjasama dalam semua aspek rancangan anti-dadah negara.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya banyak juga mendengar komplein daripada public bahawa pertunjukkan-pertunjukkan dan syarahan-syarahan ini tidak begitu efektif, biasanya gambar yang ditunjukkan itu ialah dadah di dalam tiub yang diambil di hospital dan sebagainya. Jadi, untuk memberi kesan yang lebih, saya ingin bertanya samada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk membuat satu filem (educational film) warna-warni dan ditunjukkan di dalam tiap-tiap panggung wayang di negara ini, filem itu menunjukkan jika seseorang itu menghisap dadah apakah akibat organ di dalam badan mereka. Apakah organs yang terlibat daripada segi perubatan (medical) serupa juga dengan yang kita tenguk filem German seperti Helga di mana ia menunjukkan seorang ibu melahirkan anak dan filem ini memberi pengajaran yang sangat baik dan diedarkan ke seluruh dunia. Jadi, kita ada kemudahan ini dan mengapa Kementerian ini tidak membuat filem seperti itu.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan Yang Berhormat itu bahagian pertama. Kita tidak dapat menafikan iaitu ceramah-cermah pertunjukan, dailog dan sebagainya tidak memberi kesan. Sebenarnya, semua langkah ini adalah memberi kesedaran itu, cuma dari segi pandangan setengah-setengah pihak kemungkinan perbuatan atau pelancaran seperti ini counter-productive tetapi ini tidak dapat dibuktikan. Langkah-langkah serupa ini perlu kita teruskan, terutama jika dapat dijalankan menerusi pimpinan dan juga pengawasan yang rapi.

Bagi menjawab bahagian yang kedua; solan Yang Berhormat itu, secara kebetulan Kementerian ini pada masa sekarang adalah menganjurkan usaha untuk menerbitkan sebuah filem anti-dadah iaitu yang berthemakan Pencegahan bersama dengan sumbangan dari sebuah syarikat pengiklan di Malaysia dan sumbangan-sumbangan lain berserta dengan tanggungjawab dan kerjasama Persatuan Mencegah Salahguna Dadah Malaysia. Tinggal lagi thema yang diusahakan dan dikemukakan oleh Yang Berhormat itu akan dapat dipertimbangkan oleh kerana filem ini masih dalam proses pembikinannya.

UBAT KEPADA ISTERI CEMBURU

11. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau bercadang hendak mengadakan ubat ataupun rawatan kepada isteri-isteri yang cemburu terhadap suaminya seperti yang telah dijalankan di Australia. Jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana cemburu adalah satu asas perasaan semulajadi bagi manusia, tidak ada ubat atau rawatan yang tertentu bagi isteri-isteri yang cemburu. Walau bagaimanapun kita ada kemudahan-kemudahan secara am di negeri ini sebagaimana yang ada di lain-lain negeri bagi rawatan isteri-isteri yang cemburu jika sekiranya mereka suka mendapatkan rawatan dengan sukarela. Jika mereka datang berjumpa dengan Pegawai-pegawai Perubatan bagi mendapatkan rawatan seumpama itu, mereka adalah biasanya diberi nasihat dan, jika perlu diberi ubat yang sesuai ataupun mereka boleh dirujukkan kepada Pakar Ilmu Jiwa atau Pakar Perubatan Jiwa.

Saya boleh menyakinkan Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak bahawa rawatan yang sama juga boleh diberi kepada suami-isteri yang cemburu jika mereka memerlukannya.

KONTREKTOR BUMIPUTRA BERDAFTAR

12. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan jumlah kontrektor-kontrektor Bumiputra yang ada di Semenanjung Malaysia (yang berdaftar) mengikut kelas-kelasnya dan adakah pertambahan didapati dari tahun 1970 hingga 1976.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan kontrektor-kontrektor bumiputra yang berdaftar di Jabatan Kerjaraya sehingga bulan Oktober, 1976 ialah seperti berikut dan dari angka-angka itu jelas bahawa terdapat pertambahan yang menggalakkan dari tahun 1970 hingga sekarang.

Kelas	*Tahun 1970*	*Tahun 1976*	
A	9	20	
B	5	23	
BX	3	34	
C	20	87	
D	91	201	
E	122	297	
EX	262	519	
F	1,399	3,791	
Jumlah ...	1,911	4,972	(hingga Oktober)

PENDEDAHAN SAMAD ISMAIL

13. Tuan Embong bin Yahaya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) bilangan orang-orang yang disebut oleh Samad Ismail dalam pengakuannya yang telah diperalatkan oleh beliau sebagai Kominis untuk meresapi dalam Kerajaan;

(*b*) apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang terlibat itu;

(*c*) adakah Samad Ismail telah disingkirkan dari jawatannya dalam Badan-badan Kerajaan; dan

(*d*) adakah benar bahawa Samad Ismail akan dibebaskan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun membuat satu kenyataan pada 1hb November, 1976 berhubung dengan pendedahan Samad Ismail dan setakat ini, saya tidak ada apa-apa hendak tambah lagi.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pada pukul 7.00 malam.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pada pukul 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (24hb November, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan hari ini ialah supaya kita habiskan Kementerian Pertahanan dan akan dimulakan juga dengan Kementerian Pelajaran. Waktu mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan akan dijemput menjawab, akan diumumkan kelak. Kementerian Pertahanan—jumlah wang sebanyak $910 juta bertentangan dengan Kepala B. 28 dan jumlah wang sebanyak $436,160,030 bertentangan dengan Kepala P. 28 adalah sekarang terbuka bagi perbahasan dan saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan mengemukakan Anggaran Kementeriannya di bawah Kepala B. 28 dan P. 28.

Kepala B. 28 (Jadual)

Kepala P. 28 (Anggaran Pembangunan, 1977)

3.06 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya Anggaran Perbelanjaan Mengurus di bawah Kepala B. 28 berjumlah $910,000,000 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah Kepala P. 28 berjumlah $436,160,030 diluluskan.

Anggaran Perbelanjaan Pertahanan Tahun 1977 pada keseluruhannya melibatkan kelebihan sebanyak $73,822,010 atau 5.8% berbanding dengan jumlah peruntukan tahun 1976.

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1977 yang berjumlah $910,000,000 melibatkan tambahan sebanyak $7,886,000 atau 0.8% lebih dari peruntukan 1976. Peruntukan ini bolehlah dibahagikan kepada 3 kumpulan yang besar iaitu:

Pertama: Gaji dan Elaun.

Kedua : Perkhidmatan dan Bekalan.

Ketiga : Pembelian Harta Modal.

Gaji dan Elaun

Peruntukan Gaji dan Elaun sebanyak $500,000,000 adalah $90,000,000 atau 22% lebih dari peruntukan bagi tahun 1976. Dengan pembayaran elaun sementara kepada anggota-anggota tentera pada tahun ini jelaslah peruntukan sebanyak $410,000,000 bagi tahun 1976 itu tidak akan mencukupi. Elaun sementara ini akan terus di bayar dalam tahun 1977 sementara menunggu keputusan Kerajaan mengkaji tanggagaji yang baru untuk anggota tentera. Selain dari itu kelebihan ini juga adalah disebabkan bertambahnya bilangan anggota-anggota tentera berikutan dengan penubuhan beberapa yunit-yunit baru dan juga pembesaran kepada yunit-yunit yang sedia ada bagi menambahkan kekuatan pasukan bersenjata menentang kegiatan musuh.

Perkhidmatan dan Bekalan

Peruntukan di bawah kumpulan yang kedua ini iaitu Perkhidmatan dan Bekalan adalah untuk perbelanjaan penyenggaraan anggota dan kelengkapan Kementerian Pertahanan seperti pembayaran perkhidmatan api dan air, pembelian makanan dan minyak, pembelian alat-alat ganti dan penyenggaraan kapal-kapal dan lain-lain. Jumlah peruntukan di bawah kumpulan ini iaitu sebanyak $365,000,000 adalah $46,386,000 atau 14.5% lebih dari peruntukan tahun 1976. Kelebihan ini tidaklah dapat dielakkan kerana pembekalan dan perkhidmatan yang diperlukan telah bertambah selaras dengan pembesaran Angkatan Tentera. Sebahagian besar dari kelebihan ini terdapat di bawah Pecahan-kepala 27—Bekalan dan Bahan-bahan dan Pecahan-kepala 28—Penyenggaraan dan Pembaikan yang dibeli. Peruntukan di bawah kedua-dua Pecahan-kepala ini adalah untuk

pembelian bahan-bahan seperti makanan, minyak, alat kelengkapan dan perkhidmatan penyenggaraan segala alat kelengkapan.

Pembelian Harta Modal

Peruntukan di bawah Kumpulan ketiga iaitu Pembelian Harta Modal sebanyak $45,000,000 menunjukkan kekurangan sebanyak $108.5 juta atau 70.6% berbanding dengan peruntukan tahun 1976.

Kekurangan perbelanjaan yang didapati di bawah kumpulan ini adalah semata-mata disebabkan oleh pemindahan peruntukan bagi pembelian alat kelengkapan yang besar seperti kenderaan, senjata, kapal dan kapalterbang dari peruntukan Mengurus dalam tahun 1976 kepada peruntukan Pembangunan bagi tahun 1977. Peruntukan yang diminta bagi tahun 1977 di bawah kumpulan Ketiga ini adalah bagi pembelian kelengkapan yang kecil seperti perabot-perabot dan alat kelengkapan pejabat, alat-alat kelengkapan memasak, buku-buku perpustakaan dan lain-lain kelengkapan yang tidak dipindahkan di bawah peruntukan Pembangunan.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan sebanyak $436,160,030 adalah lebih sebanyak $65,936,010 atau 17.8% berbanding dengan peruntukan tahun 1976. Dengan ini jumlah peruntukan yang diminta bagi tahun 1976 dan 1977 adalah sebanyak $806,384,050 iaitu lebih kurang 52% daripada jumlah peruntukan yang disediakan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan ini adalah untuk mempastikan supaya angkatan tentera diperbesarkan dan diperalatkan dengan segala kelengkapan yang perlu dengan seberapa segera bagi menghadapi ancaman yang kian bertambah. Dari jumlah di atas sebanyak $185.66 juta adalah untuk pembinaan dan $250.5 juta untuk pembelian kelengkapan.

Keperluan perumahan anggota-anggota angkatan tentera, ruangan pejabat dan setor masih belum mencukupi dan ini akan bertambah dengan penubuhan pasukan-pasukan yang baru dan pembesaran pasukan-pasukan yang sedia ada serta pembelian beberapa kelengkapan yang baru. Kementerian akan terus berusaha untuk mendapatkan segala kerjasama dari Jabatan Kerjaraya dan semua ajensi Kerajaan yang dapat membantu, membina atau menyewakan rumah dan flet bagi anggota-anggota tentera, ruangan pejabat serta setor simpanan barang-barang. Sebanyak $100,000,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 1—Rancangan Perumahan. Dengan ini peruntukan sebanyak $180,000,000 atau 45% dari peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga telah disediakan bagi tahun 1976 dan 1977.

Pembinaan Pengkalan Tentera Laut sedang berjalan dengan pesatnya dan beberapa kontrek pembinaan yang besar telahpun dimulakan. Bagi tahun 1977 sebanyak $70,000,000 diperlukan bagi Pengkalan TLDM di Lumut dan $10,000,000 bagi pengkalan di Kuantan.

Tuan Pengerusi, pembinaan Pengkalan TUDM di Subang masih lagi dibekukan buat sementara ini memandangkan keadaan kewangan negara. Walau bagaimanapun urusan pengambilan tanah bagi projek ini telahpun selesai beberapa bulan yang lalu.

Peruntukan di bawah Pecahan-kepala 5—Kemudahan Baikpulih Kapalterbang sebanyak $4,000,000 adalah untuk menyiapkan kemudahan bagi membaiki dan menyenggara injin-injin kapalterbang. Projek yang berharga lebih kurang $32,000,000 ini telah dimulakan dalam tahun 1974 dan bolehlah disifatkan sebagai permulaan negara ini dalam lapangan Aero-Space yang diramalkan akan dapat memenuhi keperluan masa panjang bukan sahaja untuk pihak Tentera Udara bahkan untuk keperluan-keperluan penerbangan awam. Ini akan dapat menjimatkan kewangan negara kerana injin-injin kapalterbang tidak perlu lagi dihantar keluar negeri untuk diperbaiki.

Tuan Pengerusi, sukacita saya maklumkan kepada Dewan ini bahawa Depoh Baikpulih Kapalterbang ini telahpun memulakan perkhidmatan membaiki injin kapalterbang MAS dan TUDM semenjak bulan Mei 1976 dan membaikpulih injin kapalterbang TUDM semenjak bulan Oktober yang baru lalu.

Peruntukan sebanyak $1.5 juta di bawah Pecahan-kepala 6 adalah untuk meneruskan pembinaan sebuah pusat latihan dan perumahan bagi bakal bekas perajurit. Ini akan memudahkan pentadbiran anggota-anggota tentera yang sedang menjalankan latihan peralihan.

Peruntukan yang diminta di bawah Pecahan-pecahan Kepala 7 hingga 14 adalah bagi pembelian berbagai jenis kelengkapan

yang besar seperti yang dinyatakan di bawah tiap-tiap Pecahan-kepala yang berkenaan. Sebahagian besar dari alat kelengkapan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga telahpun selesai diuruskan pembeliannya dan peruntukan-peruntukan adalah bagi maksud pembayaran kemajuan (progress payment). Pembekalan kelengkapan sedang diterima dan akan berlanjutan hingga ke tahun 1978 dan 1979.

Tuan Pengerusi, saya memohon izin supaya Anggaran Kementerian Pertahanan bagi tahun 1977 di bawah Kepala B. 28 sebanyak $910,000,000 dan di bawah Kepala P. 28 sebanyak $436,160,030 diluluskan.

3.15 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentoh Kepala Bekalan B. 28—Kementerian Pertahanan, muka surat 198, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Perkhidmatan Tentera.

Perkhidmatan Tentera satu perkhidmatan yang mustahak kepada negara. Ia memainkan peranan yang penting dalam menjaga keselamatan negara. Yang mustahak bagi perkhidmatan ini ialah memberi perkhidmatan yang sempurna kepada anggota-anggotanya, bukan sahaja kepada pegawai-pegawai tinggi tentera, tetapi juga pegawai-pegawai berpangkat rendah. Mereka inilah yang menjadi tulang belakang kepada kekuatan tentera kita.

Perkhidmatan selama 21 tahun atau mencukupi umur 45 tahun hendaklah diambil perhatian berart. Kita tahu banyak sungutan diterima bila selepas berkhidmat 7 hingga 9 tahun, perkhidmatan mereka tidak dapat disambung. Ini ialah oleh kerana Ketua-ketua Yunit Pasukannya tidak memberi sokongan. Apabila Ketua Yunitnya tidak memberi sokongan atas beberapa alasan, pihak atasan tidak dapat berbuat apa-apa. Ini sungguh mendukacitakan.

Dalam perkhidmatan yang mustahak ini, perasaan peri kemanusiaan dan membela anggota-anggotanya hendaklah diberi pertimbangan yang sewajarnya. Wang bayaran sagu hati samada mereka gugur di dalam pertempuran, terperangkap bom samar (booby trap) kemalangan semasa dalam operasi, hendaklah diberi bayaran yang segera dan tidakiah perlu menunggu beberapa lama, baharu pembayaran itu dibuat. Perkhidmatan Polis memberi satu contoh yang baik.

Tuan Pengerusi, di bawah Aktiviti (4) Latihan. Latihan yang dijalankan sepanjang masa oleh anggota tentera harus diberi sanjungan tinggi. Latihan yang cekap mestilah sentiasa ada. Latihan di PULADA (Pusat-Latihan Darat) sebagai satu contoh yang harus dipuji. Kita bukan sahaja memberi latihan kepada tentera kita malah tentera-tentera dari luar negeri dalam soal peperangan di hutan (jungle warfare).

Sejak akhir-akhir ini kita selalu sahaja mengadakan latihan bersama (joint exercise) dengan Angkatan Tentera Australia, New Zealand dan Indonesia, samada latihan bersama Angkatan Tentera Darat, Laut dan Udara. Latihan seumpama ini hendaklah sentiasa diadakan. Ia bukan sahaja memberi peransang semangat ketenteraan berperang, malah meluaskan pengalaman ketenteraan mereka. Dengan latihan bersama ini, kita akan sentiasa dapat menjaga dan mengawasi ancaman musuh dari luar negeri.

Tuan Pengerusi, kita mempunyai satu Rejimen Komando (Rejimen Gerak Khas) yang berpusat di Melaka. Rejimen Komando ini walaupun mempunyai satu batallion, ia menunjukkan kebolehan yang luar biasa. Semangat kepahlawanan mereka sentiasa tinggi. Rejimen ini dipilih khas dari anggota-anggota tentera. Satu keistimewaan tentera komando ini ialah, ia bergerak dengan begitu pantas dalam serba-serbi peperangan Rejimen ini bukan sahaja patut diperbesarkan keanggotaannya, malah hendaklah ditambah. Kalau boleh, biarlah tiap-tiap satu batallion itu mencukupi kekuatannya 1,000 orang sebagai kekuatan penuh di dalam satu-satu batallion. Kekuatan 1,000 orang bagi satu batallion ini bukan sahaja kepada Rejimen Komando, tetapi juga kepada setiap tentera penggempur (infantrymen), iaitu tentera jalan kaki.

Tuan Pengerusi, muka surat 198 Kepala Pembangunan P. 28 Pecahan-kepala 1—Rancangan Perumahan.

Kita mempunyai 8 Briged di seluruh negara. Dalam pembesaran Angkatan Tentera, ia hendaklah selaras dengan rancangan perumahan. Kemudahan perumahan hendaklah diberi keutamaan terutama kepada mereka yang berkeluarga. Berekberek tentera boleh dibuat flats seperti yang dibuat di Sungai Besi. Ini bukan sahaja dapat mengumpul angguta tentera bagi

sesuatu Briged atau rejimen itu, malahan dapat mengumpul dengan mudah angguta tentera itu bila-bila masa yang dikehendaki.

Di dalam kontrek perumahan ini, sekolah juga boleh didirikan di dalam satu-satu Briged. Ia memberi kemudahan persekolahan kepada anak-anak angguta tentera. Sekolah di Terendak Kem, Melaka, selepas pengunduran Tentera Commonwealth, adalah menjadi satu contoh yang baik kepada persekolahan anak-anak angguta tentera. Tugas pemindahan batallion dari satu negeri ke satu negeri yang lain, adalah menjadi kesusahan dan kerumitan kepada keluarga. Sekiranya tiap-tiap Briged tentera dapat diadakan sekolah yang sempurna, maka ia bukan sahaja dapat memberi kemudahan kepada Angguta Tentera, malahan dapat memberi kemudahan pelajaran kepada anak-anak anggutanya. Saya berharap kemudahan persekolahan ini dapat perhatian yang berat oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 3—Pengkalan Tentera Udara Di Raja Malaysia (TUDM) Subang, token $10.

Kita bersetuju pengkalan tentera udara ditempatkan di berbagai negeri. Kuantan dan Butterworth adalah tempat yang strateji. Begitu juga di Kota Bharu dan Melaka adalah tempat yang strateji juga. Sekiranya projek ini belum dilaksanakan lagi, saya berharap Kerajaan hendaklah menyelidik semula dengan lebih mendalam lagi, kerana tempat ini berdekatan dengan lapangan-terbang Subang. Kita tidak mahu pengkalan udara kita terdedah dari serangan musuh. Lihat sahaja bagaimana bahayanya pengkalan tentera udara di Raja dengan lapangan-terbang awam yang berdekatan itu. Oleh itu, saya rasa adalah lebih bijak, sekiranya pengkalan tentera udara ini ditempatkan jauh daripada Kuala Lumpur. Walaupun sebentar tadi Timbalan Menteri Pertahanan menyatakan pengambilan tanah telahpun selesai dibuat tetapi saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji dengan sedalam-dalamnya.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 8, muka surat 199, Pembelian Kelengkapan Tentera, Aktiviti (i) hingga (v)—Kenderaan, Meriam, Senjata, Peluru Setor Khas dan Radio Alat Perhubungan.

Di dalam pembelian kelengkapan senjata Angkatan Tentera, Kerajaan hendaklah berhati-hati dalam pembelian tersebut. Yang perlu bagi kita ialah membeli senjata moden—bukan yang ketinggalan zaman (out of date). Ini selaras dengan kemajuan teknoloji sekarang. Dalam pembelian ini, recommendation daripada Jawatankuasa Penilai Tentera (samada Darat, Laut dan Udara) hendaklah diterima dan dipakai, kerana ia merupakan penilaian pakar untuk kegunaan tentera kita. Pendapatan Jawatankuasa Penilai Tentera ini janganlah dikebelakangkan. Kita tidak mahu kejadian berulang lagi. Kuasa pemutus dari pihak atasan hendaklah diketepikan. Yang terlibatnya ialah tentera biasa kita.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 9—Pembelian Kapalterbang Tentera Udara Di Raja Malaysia (TUDM).

Kita bukan sahaja membeli jet pejuang F 5E tetapi juga membeli kapalterbang pengangkut. Adalah difahamkan bahawa kapalterbang pengangkut jenis Caribou telah lanjut usianya. Kepalterbang pengangkut untuk membawa tentera-tentera kita hendaklah jenis yang baik dan baru. Pembelian Kapalterbang Pengangkut yang dibuat baharu-baharu ini adalah satu langkah yang bijak. Saya berharap kapalterbang yang sudah lanjut usianya, hendaklah digantikan dengan yang baharu. Perbelanjaan penyelenggaraan (maintenance) bukan sahaja mahal, tetapi juga tidak berekonomi (uneconomical).

Tuan Pengerusi, yang akhirnya, saya ingin menyatakan bahawa di dalam pembelian kapal tentera laut (TLDM) yang berjumlah sebanyak $94 million, satu peruntukan yang amat besar diperuntukkan, pendapat Jawatankuasa Penilai Tentera Laut, hendaklah diterima dan jangan diketepikan. Malaysia di dalam lengkongan Komanwel. Banyak persamaan boleh didapati dari negara-negara tersebut, bukan sahaja dari segi kemudahan, malah memperbaiki dan penyelenggaraannya pun mudah.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Pertahanan ini.

3.28 ptg.

Tuan Embong bin Yahaya (Ledang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong perbelanjaan Kementerian Pertahanan yang berjumlah sebanyak $1,346,160,030. Ini menunjukkan satu peruntukan yang besar dan di sini juga menunjukkan betapa

Kerajaan Malaysia memandang pertahanan adalah satu perkara yang terpenting sekali bagi negara kita apa lagi dalam keadaan sekarang kita masih diancam oleh anasir-anasir kominis dan kominis cuba hendak mengambil alih pemerintahan kita dan sudah sewajarnyalah maka pertahanan diperkuatkan dari semasa ke semasa dan tahun ini Kementerian ini mendapat peruntukan yang lebih daripada tahun yang lepas.

Lebih dahulu saya suka mengucapkan tahniah kepada seluruh angkatan tentera yang telah dapat memainkan peranan yang sangat penting bagi mengawal tanahair kita, baik di darat, laut dan di udara. Kita nampak kominis tidak dapat bertapak, anasir-anasir jahat tidak dapat bergerak untuk mempengaruhi rakyat ataupun cuba mengatur strateji di mana-mana juga baik di bandar atau di pekan yang cuba hendak mengambil alih pemerintahan kita atau tanahair kita walau satu inci pun. Ini tidak lain dan tidak bukan dengan sebab kesetabilan pihak pertahanan kita khususnya Kementerian ini, kesetabilan dari segi pentadbiran tentera dan juga menunjukkan betapa taat setianya tentera-tentera kita kepada Kerajaan dan tanahairnya. Ini adalah satu pengorbanan yang sangat besar yang boleh mengatasi segala-galanya.

Saya suka menyentuh Kepala B. 28, Pecahan-kepala 2700—Perbekalan dan Bahan-bahan. Di sini nampaknya kepada kita Aktiviti (2) dan (3)—Perkhidmatan Tentera dan Perkhidmatan Lojistik hampir-hampir memakan belanja $234 juta lebih. Yang saya hendak menarik perhatian dalam hal ini ialah wang yang begini banyak dibelanjakan bagi perbekalan samada bekalan pakaian, makanan atau alat-alat kelengkapan tentera yang lain. Saya hendak bawa kepada jurusan ekonomi iaitu kalau kita belanjakan wang sampai begini banyak, adakah perkara ini dapat dirasai sedikit sebanyaknya oleh kontrek-kontrek bumiputra, ataupun badan koperasi tentera itu sendiri, kerana ini menunjukkan wang yang banyak hendak dikeluarkan. Kita tidak hendak perbelanjaan perbekalan yang begini banyak hanya dapat ke tangan satu atau dua orang sahaja yang membolot perbekalan-perbekalan kepada tentera. Dengan sebab itu, saya suka mencadangkan supaya pihak tentera dapat meneliti semula bagaimana mereka hendak menguruskan perbekalan-perbekalan ini supaya dapat sedikit sebanyak kontrek-kontrek bumiputra, umpamanya dari segi membekalkan pakaian yang mampu dibuatnya, ataupun dari segi bekalan makanan, ataupun lain-lain yang rengan dapat sedikit sebanyak dirasai oleh kontrek bumiputra. Saya suka memberi pandangan supaya pihak tentera bila masa hendak tender supaya dapat dipecahkan, tidak ditender sekali gus, beratus juta kepada satu kontrek. Dengan cara ini, saya rasa pihak bumiputra tentulah tak mampu, sebab hendak menyediakan beratus juta amatlah sukar. Tetapi kalau boleh dipecah-pecahkan bahan-bahan itu, umpamanya tender pakaian sekian juta, makanan lain, kasut lain ataupun songkok lain, supaya dapat dipecahkan bahan-bahan kontrek atau perbekalan itu kepada pecahan-pecahan yang agak kurang belanjanya. Secara tak langsung pihak kontrektor bumiputra dapat mengambil sedikit sebanyak. Kalau berharga $20 juta ataupun $10 juta barangkali mereka mampu, kalau beratus-ratus juta barangkali mereka tak mampu. Harus mereka boleh berkira dengan MARA supaya dapat cari kontrektor Melayu ataupun memberikan bekalan kepada orang-orang bumiputra kita. Begitu juga barangkali boleh diambil oleh koperasi tentera itu sendiri. Jadi keuntungan itu berbalik kepada kebajikan pihak tentera juga. Tidaklah kita dengar lagi kontrek tentera ini hanya dibolot oleh satu-satu badan sahaja atau oleh satu kaum sahaja, oleh sebab mereka sudah sedia dengan segala kelengkapannya. Maka di sini saya mengesyorkan supaya perbekalan tentera ini dapat dipecah-pecahkan tendernya itu kepada pecahan-pecahan dari segi barang-barangnya ataupun daripada segi quota harganya diperkecilkan.

Menyentuh Kepala P. 28, Pecahan-kepala (1)—Rancangan Perumahan. Walaupun sudah bertahun-tahun dan berkali-kali kita dengar dalam Parlimen ini dirayu supaya Kementerian ini menyediakan lebih pesat rumah-rumah untuk tentera kita terutama sekali peringkat bawahan, tetapi hingga hari ini masih belum dapat dipenuhi hasrat itu, masih kita lihat tentera kita duduk menyewa di rumah-rumah haram dengan keadaan rumah yang tidak begitu selesa. Tetapi oleh kerana keadaan terdesak mereka terpaksa duduk begitu, berpecah di mana-mana. Jadi kalau ada satu-satu kegemparan, saya rasa cukup susah hendak memanggil mereka berkumpul. Jadi sudah sampai masanya kalau boleh pihak tentera dengan perbelanjaan ini meningkatkan lagi seberapa boleh membanyakkan rumah-rumah tentera

ini dibuat secara berkelompok supaya semua pihak kakitangan tentera duduk setempat dan kalau ada satu-satu kegemparan dapat dalam masa yang singkat mengumpulkan mereka itu.

Kita nampak di sini bahawa wang peruntukan perumahan diberi kepada J.K.R. Kita tahu pihak Kerajaan memberi kepada J.K.R., tetapi oleh sebab perkara ini terlampau banyak J.K.R. sendiri tidak boleh memenuhi kehendak perumahan tentera ini dalam satu tahun yang tertentu dengan wang $100 juta. Pasti tidak boleh, tidak dapat memenuhi, sebab J.K.R. bukan hendak membuat rumah ini sahaja, dia hendak membina jalan, jambatan dan bermacam lagi hal pembangunan kecil. Apa salahnya kalau sekiranya J.K.R. tidak mampu hendak menghabiskan belanja dalam satu tahun itu diberi separuh kepada swasta dengan jalan kontrek. Biar banyak badan yang membuat rumah, J.K.R. membuat juga, dan pihak swasta melalui kontrek membuatnya separuh supaya rumah itu sama-sama naik tidaklah nanti J.K.R. membuat satu peringkat, apabila habis peringkat itu baharu hendak mula peringkat lain. Akhirnya masa setahun itu habis, wang berbaki banyak, tak dapat hendak selesaikan rumah itu. Jadi daripada terbengkalai begitu, wang tak habis, lebih baik J.K.R. sendiri buat sekadar kemampuan dalam satu tahun dan kalau sekiranya ada baki wang $20 atau $30 juta lagi tidak dapat hendak buat, buat dengan jalan kontrek kepada swasta, biar swasta sama mengambil peranan membina rumah askar, ataupun baki wang itu dibeli rumah mereka yang sudah siap yang agak sesuai, kerana banyak pihak swasta, SEDC dan sebagainya membuat rumah-rumah murah. Rumah itu kita boleh tempah untuk tentera beberapa ratus pintu kira-kira sepadan dengan harga untuk seorang anggota askar. Wang itu dapat dibelanjakan dan rumah dapat banyak. Inipun satu cara yang mempercepatkan tentera-tentera kita dapat mempunyai sebuah rumah yang baik. Saya percaya, tak tahulah kalau agakkan saya ini salah, umpamanya tahun yang lepas saya percaya peruntukan $100 juta tidak habis dibuat oleh J.K.R., kalau saya salah tolong betulkan.

Saya ada dengar cakap-cakap bahawa ada $20 juta lebih baki wang yang tidak dibuatkan rumah sebab J.K.R. tak mampu hendak habiskan wang itu dalam satu tahun. Ini sudah jadi sia-sia. Kalau $20 juta itu dibelikan rumah-rumah murah yang sudah siap ditempah daripada swasta, beberapa ribu rumah pun untuk askar, sudah dapat diselesaikan. Wang itu dipulangkan balik kepada Kerajaan, pada hal wang itu disuruh membuat rumah untuk askar dan askar masih banyak lagi menderita tidak dapat rumah istimewanya di Kuala Lumpur. Jadi cubalah Kementerian ini berfikir balik cara macam mana supaya wang diberi itu betul-betul dapat disediakan rumah kepada askar kita.

Menyentuh P. 28 juga dalam Pecahan-kepala 8 sampai 14, berkenaan dengan pembelian senjata. Kita tahu dalam pembelian senjata ini memakan belanja yang sangat banyak. Jadi, saya minta Kementerian ini atau Kerajaan kita mengkaji balik strateji tentera kita dengan senjata dan masaalah perang kita. Adakah kita Malaysia ini yang penduduknya 10 juta dalam keadaan yang ada sekarang dalam sebuah keluarga ASEAN dan kita duduk dalam Commonwealth kita hendak berperang. Jawabnya tidak. Adakah negeri kita diancam untuk berperang. Jawabnya tidak. Hanya kita menghadapi ancaman kominis, yang agak begitu kecil kerana pihak keselamatan selalu memberitahu kita kominis ada 2,000 orang dalam hutan. Inilah yang kita hendak hadapi. Hari ini kita bukan Vietnam hendak berperang dengan sebuah negara Amerika, atau bukannya kita Amerika hendak berperang dengan Vietnam dengan kominis, kerana kalau kita hendak melawan negara kominis pun kita tidak mampu. Kalau Vietnam turun, Hanoi turun, China turun tidak mampu kita hendak mempertahankannya sedangkan Amerika yang begitu moden senjatanya, yang begitu kaya dan yang begitu besar angkatan tenteranya yang mengawal seluruh dunia lari daripada Vietnam. Kita dengar Hanoi sendiri, Indo-China sendiri hendak buat baik dengan kita. Saya rasa itulah barangkali kalau kita anggap pun musuh yang paling dekat, tetapi sekarang negeri itu jadi sahabat kita. Kita hantar Duta kita ke sana. Jadi tidak ada masaalah berperang. Yang saya hendak menarik perhatian Kementerian ini iaitu kalau kita tidak menghadapi masaalah berperang, maka kurang menasabah kalau kita hanya memikirkan hendak membeli alat tentera, umpamanya, kapal terbang yang paling moden, umpamanya supersonic yang sama dengan Amerika yang harga satu-satu itu berpuluh-puluh juta ringgit baharu dapat sebuah. Dan kita hendak terbang kononnya laju, negeri kita hanya 500 batu daripada

Johor Bharu ke Perlis, barangkali dia melancar sahaja pun sudah sampai ke sana belum sempat hendak mendarat lagi. Jadi apa perlunya kita membeli senjata yang moden membuang wang begitu banyak; kalau hendak dijadikan sebagai contoh pun Malaysia mempunyai senjata moden beli sebuah, dua cukuplah untuk buat berlatih. Buat melatih askar kita membawa supersonic. Tetapi untuk kita hendak memikirkan itu setiap masa membeli jet yang moden dengan harga berpuluh-puluh juta ringgit sebuah, saya rasa kita duduk dalam keadaan membazirkan wang, sebab tidak ada tujuan kita membelinya. Ada lebih baik negeri kita yang banyak hutan, kominis duduk dalam hutan, kita menghadapi masaalah sempadan dan keadaan negeri kita bergunung-ganang, berpaya, lebih baik kita membeli helikopter banyak. Ini sesuai. Kita boleh mendarat di mana sahaja. Senang membuat pengangkutan dan helikopter paling berguna dalam perang hutan kita, daripada kita membeli kapal terbang yang moden begitu dengan berpuluh juta ringgit satu-satu atau beratus juta ringgit satu-satu. Kalau kita beli helikopter barangkali kita boleh dapat banyak lagi dan helikopter pun bukan satu senjata yang mundur, ia satu senjata yang moden yang sesuai, bukan sahaja kita gunakan untuk pengangkutan, tetapi juga kita boleh menolong rakyat biasa dalam masa menghadapi banjir, dalam masa menghadapi serangan dan ancaman kominis di sempadan dan dalam masa kita hendak masuk hutan dan sebagainya. Saya rasa lebih baik kita banyak melengkapi helikopter moden daripada kita membeli jet dan supersonic moden yang tidak berguna kepada strateji kita.

Dari segi tentera laut umpamanya kita tidak usah memikirkan yang kita hendak berperang, untuk hendak melengkapkan alat peperangan dengan orang lain, itu pun tidak ada fasal.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Kita mempunyai laut sekeliling barangkali panjang laut kita ialah 1,000 batu di pantai timor dan pantai barat. Apa yang kita hendak kawal hari ini ialah yang pertama sekali penyeludupan dadah, beras, candu, dan senjata. Ini yang hendak dikawali oleh tentera kita, bukan hendak mengawal musuh yang hendak melanggar kita, tidak.

Jadi tidak guna kita membeli kapal-kapal yang dilengkapkan dengan peluru-peluru yang moden atau kapal perang, saya rasa baik kita beli kapal-kapal kecil yang boleh ronda pantai tetapi laju dan moden yang sesuai dengan negeri-negeri yang telah maju bagaimana dia menjaga pantai, dia mengejar pembawa-pembawa lari candu atau penyeludupan senjata dan sebagainya. Ini yang kita hendak kawal banyak, tetapi hari ini pantai kita masih terdedah; kurang kapal ronda. Kalau kita tanya mengapa pantai kita kurang di kawal, kerana kurang kapal, tetapi kadang-kadang kita memikirkan kita hendak membeli sebuah kapal perang yang paling moden dengan beratus juta ringgit sebuah, lebih baik kita beli lima, enam buah kapal-kapal kecil tetapi laju yang boleh mengawal pantai kita. Inilah masaalah yang ada pada kita. Saya setuju kalau sekiranya tentera laut kita banyak kapal seperti kapal Hang Tuah yang kecil itu dan laju dapat mengawal pantai kita dan meronda pantai ini paling penting kepada kita. Bukan sahaja masaalah senjata tetapi banyak juga penyeludupan-penyeludupan orang yang hendak mendarat di pantai kita yang hendak cuba membanyakkan rakyat di sini dengan cara gelap mendarat di pantai-pantai, di pulau-pulau dan ini hampir-hampir luar daripada kawalan kita, kalau kita tanya kepada kawalan itu kurang mesti jawabnya alat kelengkapan kapal kita kurang. Jadi saya cadangkan supaya tentera laut dilengkapkan dengan kapal yang kecil sahaja tetapi moden, laju untuk menolong Kastam menjaga pantai kita supaya tidak diseludup senjata, tidak diseludup dadah dan sebagainya. Begitu juga dengan tentera darat kita, tanahair kita banyak hutan seperti saya katakan tadi. Kita hendak gunakan askar jalan kaki banyak masuk ke dalam hutan menyeludup, saya rasa tidak ada gunanya kita membeli kereta perisai yang sudah lapuk, yang banyak makan minyak barangkali satu segelen satu batu. Itu tidak ada gunanya, sebab kita tidak hendak berperang, kominis pun dia tidak tembak sebab kereta itu sudah kebal yang dia hendak tembaknya orang, askar. Jadi, saya syorkan bahawa pembelian senjata ringan, umpamanya, machine-gun, Bren-gun atau pun apa yang kecil-kecil, pendek atau shot-gunkah—askar lebih tahulah—sebab kita tidak jadi askar, sudah hendak sebut itu, yang saya maksudkan yang ringan, mudah dibawa, otomatik sekali petek boleh 20 orang mati. Ini yang kita hendak. Kita tidak mahu asykar kita

pikul senapang bila sampai masa menembak senapang tidak meletup, orang lain tembak dia dahulu, pernah berlaku.

Tuan Pengerusi: Itu hendak pakai peluru makrifat. (*Ketawa*)

Tuan Embong bin Yahaya: Makrifat, kita bukan Malaikat, itu yang susah. Jika tidak dapat, saya rasa patut Kementerian ini memikirkan balik cara pembelian senjata tentera darat, tidak usahlah kita pergi punggah, saya tidak mahu mengata, tetapi kita dengar juga cerita itu maknanya yang kereta-kereta kebal orang putih yang sudah lapuk dalam Perang Dunia Kedua dahulu dibeli. Ini apa guna? Sampai tersadai ditengah jalan. Tersadai berapa banyak tidak boleh hendak dibaiki, spare parts pun tidak ada dan tidak ada siapa yang hendak membaiki. Lebih baik kita beli senjata moden yang betul-betul otomatik dan yang baik sekali beri tentera kita bawa masuk dalam hutan. Cuba siasat kominis, kominis mendapat senapang yang otomatik, tetapi askar kita masih lagi kadang-kadang ada pegang senjata yang lama sehinggakan dalam masa hendak menembak itu mereka tarik trigger tidak meletup, peluru tersekat di dalam. Berlapuk dengan karat. Ini semuanya patut kita fikirkan.

Jadi saya rasa sudah sampai masanya pihak tentera atau pihak Kementerian kita memikirkan balik menggunakan wang yang beratus juta ringgit ini dalam pembelian senjata dan kelengkapan tentera supaya kita tidak tertipu dengan angan-angan kita sendiri sebab kita tidak menghadapi perang, hanya kita menghadapi strateji dengan kominis kita sendiri, belilah alat senjata yang sesuai dengan keadaan sendiri. Umpamanya, dalam segi perhubungan yang moden itu perlu, membekalkan askar kita dengan perhubungan yang moden, dapat kommunikasi antara seorang dengan seorang, senapang yang moden, bom tangan yang moden lagi banyak daripada kita membeli kereta-kereta perisai yang tidak tentu tujuan bagi kita. Inilah sedikit pandangan saya terhadap Kementerian ini dan selain daripada itu saya suka menyebut sedikit lagi iaitu satu perkara yang patut dijaga oleh Kementerian ini ialah berkenaan dengan kebocoran rahsia. Ini pertahanan, bukan satu Kementerian yang berhubung dengan pertanian ataupun dengan hal JKR. Saya minta Kementerian ini mengadakan disiplin yang lebih ketat kepada seluruh kakitangannya, terutama kakitangan awam di dalamnya kalau ada, supaya benar-benar mengawal rahsia pertahanan kita, bukan sahaja rahsia senjata tetapi rahsia kertas yang ditaip ataupun dokumen-dokumen kita supaya tidak terlepas keluar. Sebagaimana yang kita dengar baru-baru ini tender-tender membeli senjata kita dapat terpelas keluar barangkali boleh jadi seorang daripada ahli committee yang mengeluarkan itu sebab dia berbuat demikian kerana dia tidak mendapat faedah. Inilah satu cara yang dilakukan oleh orang yang bekerja dalam Kementerian itu atau ketua askarnya, mereka memandang begitu mudah, kalau hasratnya tidak diberi tender kepada kawannya dia memberitahu orang lain tentang rahsia itu. Apa jadi kalau rahsia kita dapat ke tangan perisik-perisik luar? Orang asing yang barangkali hendak bermusuh dengan kita atau diberitahu kepada kominis. Kita juga selalu mendengar sebarang gerakan askar kita di dalam hutan selalu didapati oleh kominis rahsianya terlebih dahulu, siapa yang memberitahu rahsia ini? Kadang-kadang sampai di tengah jalan askar kita mati, dia sudah tahu berapa orang askar kita datang, pukul berapa mereka sampai ke tempat itu dan apa senjata yang dibawa, bila masa askar kita bertolak, kadang-kadang nama pegawai yang menjadi komando itupun dia tahu. Ini satu perkara yang saya rasa tidak begitu baik kalau sekiranya berlaku dalam Kementerian Pertahanan. Jadi sebarang orang yang menjaga rahsia-rahsia itu kalau boleh bukan sahaja dikawal rahsianya, tetapi kalau boleh dijalankan dengan cara bersumpah, suruh mereka bersumpah bahawa mereka tidak akan mengeluarkan rahsia bukan sahaja kepada sebarang orang bahkan anak isterinya sendiri atau orang rumahnya sendiri, terutama rahsia-rahsia gerakan tentera. Ini adalah penting sebab kita masih bertarung dengan kominis dan inilah yang saya bimbang bukan sekali bahkan banyak kali kita dengar gerakan-gerakan tentera kita, pasukan keselamatan kita sudah diketahui lebih dahulu oleh musuh, ini mesti ada orang yang memberitahu, samada dengan talipon, wireless, surat kecil atau cakap mulut. Begitu juga mengenai rahsia-rahsia mesyuarat, umpamanya, mesyuarat strateji tentera kita, kawalan pertahanan kita sudah diketahui oleh orang lain sedangkan mesyuarat belum habis. Apa yang akan jadi? Apa maknanya Kementerian Pertahanan kalau sudah tidak boleh mempertahankan rahsia.

Saya hendak bercakap terus-terang kepada Kementerian ini sebab Kerajaan dan rakyat memberi kepercayaan yang sangat tinggi dengan memberi perbelanjaan yang begitu banyak, kita memberi pengorbanan kepada askar kita sebab kita tahu mengapa mereka berkorban. Kerajaan kita tidak ada masaalah wang, beri seberapa banyak yang dikehendaki tetapi pihak Kementerian mestilah memegang amanah ini supaya menjalankan tanggungjawabnya dengan betul dan baik dan lebih sesuai sebagai sebuah negara yang sedang menghadapi ancaman kominis.

Saya rasa selain daripada kawalan di pejabat harus juga dikawal juga setiap soldadu atau tentera kita, pegawai-pegawai rendahnya, pegawai-pegawai pertengahannya, pegawai-pegawai tinggi sehingga sampai kepada Jenaralnya supaya benar-benar Malaysia mempunyai sebuah Kementerian Pertahanan yang benar-benar dapat mengawal tanahair ini dan dapat memegang amanah tanahair seperti negeri-negeri lain, umpamanya, Indonesia bagaimana rakyat di sana menjaga tanahairnya dengan semangat kebangsaan bukan dengan semangat hendak makan gaji. Selain daripada makan gaji mereka juga mempunyai semangat kebangsaan kepada tanahairnya, mereka masti mengawalnya kerana ini adalah rahsia negaranya dan mesti dipertahankan juga segala rahsia yang mesti disulitkan. Sekiranya kita memikirkan bahawa kita hendak makan gaji kemudian membiarkan kepada askar samada mati dengan tidak siapa pun diambil peduli. Saya rasa ini patut diperbaiki samada cara pentadbiran ataupun disiplin dalam pejabat yang seumpama ini.

Saya ulang sekali lagi bahawa kepercayaan rakyat begitu besar dan rakyat memberi pengorbanan apa sahaja yang boleh serta sedia bekerjasama sebagaimana yang kita nampak. Saya harap Kementerian ini akan mengambil perhatian berat atas apa yang saya cakapkan ini dan sekali lagi saya ucapkan tahniah yang tinggi kepada pihak tentera kita, pahlawan kita, perajurit kita yang telah memberi pengorbanan walaupun negeri kita kecil tetapi telah dapat memberi pengorbanan yang begitu besar seperti di masa Jepun, masa menghadapi konfrantasi, masa peristiwa 13hb Mei, 1969 dan juga di masa menentang kominis sekarang perajuritlah yang duduk di hadapan dan rakyat memberi sokongan yang begitu besar, bukan sokongan hanya dengan wang tetapi dengan doa kepada Allah s.w.t. supaya diselamatkan perajurit kita di dalam perjuangan dan sentiasa beroleh kemenangan dan kita akan dapat mempertahankan keamanan dan kemakmuran negara kita.

3.56 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong peruntukan Kementerian Pertahanan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya juga bersetuju mengenai Kepala B. 28, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Pertahanan dan Perkhidmatan Tentera.

Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju yang mana tenteralah satu-satunya pasukan yang telah mempertahankan negara kita daripada berbagai-bagai ancaman sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang tadi, baik semasa konfrantasi, masa peristiwa 13hb Mei. Andaikata berlakulah mogok ataupun penarikan diri pegawai-pegawai Kerajaan yang lain yang tidak dapat diselesaikan baru-baru ini yang saya dapat tahu, maka pasukan pertahananlah juga yang akan mengambil tempat menjalankan kerja-kerja yang berkenaan. Jadi dengan ini fahamlah kita bahawa tentera telah memainkan peranan yang penting bukan sahaja di segi mempertahankan negara untuk memegang senjata, bahkan mereka ini juga dapat mengaman atau memerintah negara dengan memegang pen dan sebagainya

Saya mengucapkan syukur kepada Tuhan yang mana negara kita tidak ada perampasan kuasa. Boleh jadi ini kerana ada dua sebab iaitu Kerajaan kita memerintah dengan bijaksana, adil dan juga pihak pertahanan kita juga terdiri daripada pegawai-pegawai yang sungguh-sungguh taat setia kepada negara dan Raja. Di atas bakti-bakti mereka ini patutlah kita mengkaji daripada satu masa ke satu masa untuk memberi satu perkhidmatan seperti kata orang: Kalau buat baik, kita akan dibalas baik. Kita patutlah mengkaji gaji-gaji mereka daripada satu masa ke satu masa jua elaun-elaun pegawai-pegawai yang berkenaan. Kadang-kadang kita berasa dukacita, kerana telah mengumumkan yang gaji-gaji tentera itu akan dinaikkan tetapi kadang-kadang perlaksanaannya tidak dapat dibuat. Jadi saya merayu tentang gaji patut kita naikkan dan saya merayulah bagi pihak Kerajaan baik di bahagian mana sekalipun sebelum kita membuat satu pengumuman gaji ataupun elaun, saya nyatakan sekali lagi saya suka gaji-gaji pegawai tentera patut

dinaikkan dan sebelum satu-satu gaji yang akan dinaikkan, patutlah Kerajaan membuat kajian, janganlah diumumkan sehingga beberapa bulan, kadang-kadang membawa perasaan tidak puas hati ataupun ada pihak-pihak yang berkenaan menuduh yang pihak Kerajaan ini dapat mengumumkan sahaja tetapi pelaksanaannya tidak dapat dijalankan. Kita berharap tiap-tiap satu pengumuman yang akan dibuat, kita kaji dahulu beberapa bulan yang patut perkara ini dapat kita laksanakan, jangan berbangkit sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap elaun-elaun kenderaan ini patutlah kita kaji semula kerana kadang-kadang setahu saya elaun kenderaan ini daripada beberapa tahun dahulu sehingga hari ini tidak berubah, sedangkan harga minyak yang mana kita tahu daripada satu tahun ke satu tahun kenaikannya amatlah tinggi. Kalau tidak silap saya pada tahun enam puluhan dulu harga minyak satu gelen tidak lebih daripada $2 tetapi hari ini telah meningkat sampai kepada $3.00 lebih. Jadi dengan sebab itu elaun-elaun kenaikan ini juga patut kita kaji.

Yang kedua, saya dapat tahu pegawai-pegawai tentera yang bekerja di pejabat yang patut mendapat elaun kenderaan mereka ini bukan pegawai tetapi sebagai askar biasa yang berpangkat Sarjan ke bawah, mereka ini adalah dihadkan memakai motosikal tetapi memandang kepada keadaan yang sibuk di Kuala Lumpur, mereka juga ingin memakai motokar, apatah lagi motosikal kalau di Kuala Lumpur dan saya dapat tahu juga di Perlis tidak berapa lama lagi terpaksa memakai topi keledar. Jadi kalaulah hendak berjalan bawa anak saudara semua hendak pakai topi keledar ini membawa kesusahan kepada keluarga yang berkenaan. Maka dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya berpendapat elaun kenderaan ini patutlah ditimbang semula dan dinaikkan mengikut keadaan masa dan kadar harga barang-barang yang dinaikkan. Saya yakin Menteri yang berkenaan bersetuju dengan pendapat saya kerana dia juga tahu yang harga-harga minyak telah dinaikkan.

Yang ketiga, saya berpendapat elaun-elaun patut kita hadkan mengikut tempat seperti elaun mesyuarat Ahli Dewan Rakyat. Kita yang di luar daripada tempatan dapat elaun mesyuarat kerana elaun bermalam di luar daripada Kuala Lumpur, kerana kita datang jauh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ini bercakap di bawah Pecahan-kepala mana?

Tuan Shaari bin Jusoh: Kepala Elaun dan Gaji, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya contohkan. Begitu juga elaun wilayah, saya berpendapat patut dihadkan kepada pegawai-pegawai tentera. Misalnya yang bekerja di Alor Setar, harga barang-barang berbanding dengan Kuala Lumpur apatah lagi di Wilayah Kuala Lumpur harganya berlainan, begitu juga harga yang di Sabah dan sebagainya. Kalau kita ada elaun seberang-laut dan sebagainya, saya berpendapat elaun Wilayah ataupun lebih tepat di tempat-tempat yang harga barang-barang naik, patut juga kita kaji. Jangan harga ini kita kata tidak ada perbezaan, elaun itu sama. Kita hendaklah mengikut keadaan tempat itu.

Tuan Pengerusi, saya bercakap juga berkenaan dengan elaun-elaun dan pencen-pencen kepada suami-suami yang meninggal dunia, kerana perkara ini saya telah bangkitkan dalam soal-jawab dengan Timbalan Menteri yang berkenaan, tetapi mana satu yang benar, saya tidak tahu. Saya berharap Menteri yang berkenaan beri penjelasan. Tuan Pengerusi, satu hari saya bertanya seorang perempuan yang suaminya telah meninggal lebih 10 tahun dan dia termasuk daripada keluarga saya sendiri. Saya tanya beliau, mengapakah tidak kahwin walaupun saya dapat tahu orang yang tidak kahwin ini adalah satu daripada sebabnya hendak bela anak ataupun tidak dipinang orang dan sebagainya, tetapi memandang kepada rupa paras perempuan yang berkenaan mustahil mengapa hamba Allah itu tidak kahwin. Maka saya diberitahu kalau dia kahwin, maka pencen yang dia patut dapat untuk membela anaknya tidak dapat. Jadi saya ingat dalam hati saya ini berlawanan dengan kehendak Tuhan, kerana tiap-tiap seorang manusia selain daripada makanan zahir, makanan bathin kita tidak boleh nafikan. Perkara ini bukan sahaja perlu, bahkan Tuhan suruh dan ikut sunnah siapa yang berkahwin. Ini kita tahu perkara ini bukan berlawanan dengan kehendak Tuhan bahkan perkara ini Tuhan bersetuju apa yang dikehendaki oleh kita melainkan mengikut syarat-syarat yang diluluskan oleh syarak dan aturan-aturan dalam ugama Islam.

Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, kalau sungguh sebagai apa yang dikatakan oleh pihak yang berkenaan iaitu keluarga perempuan yang berkenaan, saya berpendapat kita berilah pilihan satu di antara dua. Kalau perempuan yang berkenaan sudah jadi janda disebabkan suaminya terkorban di masa menjalankan tugas, sama juga dia akan mengambil pencen ataupun pencen itu dipindahkan kepada anaknya walaupun anaknya belum mencukupi 18 tahun lagi. Jikalau hendak nanti anak cukup 18 tahun baru boleh hendak pindahkan kepada anak, di kala itu umurnya pun sudah meningkat barangkali orang yang meningkat tua ini walaupun dia semacam dengan orang muda tetapi lain sedikit, Tuan Pengerusi. Dengan sebab itu, masa muda adalah masa yang paling sesuai. Saya berpendapat kalau tidak dibolehkan anak kerana belum meningkat 18 tahun, diberi kepada orang yang bersangkutan dengan anaknya itu seperti datuk boleh mengawas ataupun memegang habuan kepada pihak yang berkenaan. Tetapi kalau si isteri itu sendiri dengan rela, itu saya tidaklah mendesak Kementerian ini, tetapi kalau keadaan memaksa kita pandang si isteri itu juga hendak berkahwin patutlah syarat-syarat ini kita ubah kerana menyesuaikan dengan keadaan yang ada pada tiap-tiap dari kita sebagai manusia supaya perkara ini janganlah kita kerana mereka memilih satu antara dua sebagaimana yang saya katakan tadi iaitu yang pertama kalau aku berkahwin cepat, maka anak aku tidak ada siapa yang hendak jaga. Saya tidak bersetuju kalau hendak beri kepada si perempuan itu terus dengan dia berkahwin dengan suami lain sebagaimana yang dinyatakan ataupun disyaratkan oleh Kementerian Pertahanan. Saya juga bersetuju kalau dia kahwin patut diberhentikan, tetapi saya tidak bersetuju diberhentikan terus, patut diberi kepada pihak yang berkenaan yang bersangkutan dengan budak tadi, kerana saya bimbang kadang-kadang orang perempuan bila sudah terdapat suami yang agak lebih istimewa bagi dia, kadang-kadang anak pun harus dia terlupa. Jadi anak inilah yang patut kita fikir lebih daripada segala-galanya. Saya titikberatkan dalam hal ini, Tuan Pengerusi, tentang segi anak yang menjadi tanggungjawab ataupun yang telah diwarisi kepada bapanya yang terkorban kerana memperjuangkan negara.

Tuan Pengerusi, mengenai elaun-elaun ini juga, saya berpendapat selalu dalam soal-jawab saya bertanya tentang kenaikan elaun Tentera-tentera Wataniah. Mereka ini juga selain daripada askar biasa telah juga mempertahankan tanahair kadang-kadang mereka juga telah membuat rondaan di dalam hutan, setahu saya Batalion 13 yang berpengkalan di Pulau Pinang, kalau tidak silap, ini adalah terdiri daripada Tentera Wataniah yang mereka ini juga dapat mempertahankan atau menjalankan tugas sebagaimana askar-askar lain. Asalnya mereka ini adalah terdiri daripada orang yang menjalankan latihan seminggu sekali tetapi memandangkan keadaan yang perlu mereka ini dibawa ke pusat sebagaimana saya katakan tadi. Elaun-elaun mereka ini daripada tahun enam puluhan dahulu sampai ke hari ini tidak lebih daripada $29 berapa puluh sen saya pun tidak ingat yang sen ini, sampai ke hari ini angka itulah lagi, Yang Berhormat Menteri. Jadi saya merayu naikkanlah sedikit mengikut keadaan yang berpatutan kerana hari ini kita berkehendakkan orang-orang yang muda, orang-orang yang berkebolehan. Kadang-kadang budak-budak yang muda yang patut masuk askar Wataniah bila kita buka peluang, mereka tidak ingin disebabkan saya katakan tadi iaitu tentang elaunnya tidak pernah dinaikkan. Jadi saya haraplah mendapat timbang daripada Menteri yang berkenaan.

Yang keempat, Pecahan-kepala yang sama tentang latihan. Latihan ini juga saya berpendapat patutlah kita beri latihan-latihan cara moden. Janganlah daripada tahun enam puluhan dulu sehingga ke hari ini latihan kita kawat, tembak, meniarap dan sebagainya. Saya sendiri pun biasa masuk Tentera Wataniah, begitulah caranya. Biarlah mengadakan berbagai-bagai tektik kerana orang yang kita hendak lawan seperti kominis dan sebagainya mereka mempunyai berbagai-bagai tektik, maka tektik itu juga kita patut ikut, seboleh-bolehnya kita curi apa tektik yang mereka buat untuk serang-balas, sebagaimana kita tengok perlawanan tinju. Muhammad Ali curi tengok bagaimana Joe Bugner berlatih mengikut celah dinding. Jadi dia hendak tahu tektik bagaimana dia tumbuk, begitulah aku hendak lepaskan. Begitulah juga kita walaupun tidak dapat pergi kerana main dengan peluru tetapi biarlah ada orang kita yang dapat tengok tektik ataupun cara yang dimainkan oleh pihak kominis. Jadi janganlah kita gunakan tektik tahun enam puluhan, sekarang hampir hendak masuk tahun lapan puluhan kita masih lagi berlatih mengikut cara lama. Biarlah tektik-tektik itu kita ubah.

Selain daripada memberi latihan kepada tentera wataniah dan sebagainya, askar kita banyakkan syarahan kenegaraan, biar semangat kasih warganegara itu banyak. Tuan Pengerusi, saya sendiri tahu kerana saya mengalami kurang syarahan yang semangat itu bagaimana mempertahankan tanahair, menghormati kepada Kerajaan itu kurang. Kadang-kadang ada pula daripada seorang dua yang menjadi guru bersikap anti-Kerajaan. Kita bukan hendak suruh ambil semua orang yang sokong Kerajaan, tetapi Kerajaan kita yang mengeluarkan wang patutlah kita ambil pekerja yang menyokong Kerajaan. Saya tidak setuju, baik pegawai manapun yang mendapat gaji daripada Kerajaan, walaupun rakyat yang membayar cukai dan sebagainya menentang Kerajaan. Bila hatinya berlain walaupun apa yang disuruh oleh Kerajaan oleh kerana hasrat yang suci itu tidak begitu ada di dalam jiwanya walaupun dia menyampaikan tetapi tidak dengan perasaan. Sama juga seperti bercakap, kalau kita bercakap dengan perasaan cara penyampaian itu lain dan cara penerima itu pun lain. Oleh itu saya berharap orang yang dapat menyampaikan dengan perasaan orang yang ada perasaan taat setia kepada negara ini. Dari segi itu juga patut kita kaji dari satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi, saya bercakap tentang Kepala B. 28, Pecahan-kepala 2700—Bekalan dan Bahan-bahan. Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Ledang tadi dan saya menambah patutlah bekalan ini selain daripada kita pecah-pecahkan, barang-barang yang berasingan kita juga mengadakan tempat berasingan. Katalah Sungai Petani kita berilah peluang kepada orang Kedah yang berhampiran di situ untuk mendapatkan tender berkenaan. Begitu juga kalau di Melaka dan sebagainya. Hari ini kita dapati apa yang kita akan gunakan di Sungai Petani orang yang menjadi pemborong atau kontrektor terpaksa diambil daripada Ibu Pejabat Kementerian Pertahanan di Kuala Lumpur. Dengan sebab itu, harganya tidak berpatutan dan seimbang. Saya beri satu contoh iaitu daging, Kedah dan Perlis kebanyakan harga daging $2.80 sekati, tetapi kalau di Kuala Lumpur harga daging tidak kurang agak saya daripada $3.50. Begitu juga harga beras. Kalau di Perlis harga beras tidak lebih daripada $2.80 beras Mahsuri. Tetapi bagi Kuala Lumpur harga beras yang berkenaan sudah tentu lebih 50 sen daripada harga yang ada di Perlis. Dengan sebab itu kadang-kadang pihak kontrektor di Kuala Lumpur apabila dia hendak beli beras di Perlis ataupun beras di Sungai Petani, saya contohkan, terpaksalah dia kena ambil barang di sana. Maka ini menjadi satu kesalahan. Maka dengan sebab itu, pada pendapat saya menjadi dua habuan. Pertama, barang yang kita boleh dapat murah ini menjimatkan perbelanjaan, yang kedua kita dapat beri peluang kepada pemborong-pemborong yang kecil sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Ledang tadi, dapat banyak. Hidangannya dikira berjuta ringgit sahaja. Bagi pihak Kementerian Pertahanan saya berharap kalau boleh had juta, ratus ribu atau puluh ribu ini cubalah kurangkan sedikit, moga-moga dengan ini dapat diberi peluang yang sama kepada banyak lagi bumiputra yang lain.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Kepala P. 28—Angkatan Tentera Malaysia. Saya berasa seronok melihat Pengkalan Tentera Laut Malaysia di Lumut. Dalam penggal yang lepas saya telah bertanya Menteri yang berkenaan samada beliau bercadang hendak mengadakan satu batalion askar di Perlis? Jawapnya akan diadakan, tetapi dalam anggaran ini tidak ada. Saya rasa tidak seronok, Tuan Pengerusi. Oleh itu, saya merayulah bersungguh supaya adakanlah satu batalion askar di Perlis. Saya mahu, Tuan Pengerusi, apabila disebut soal dadah misalnya satu kes orang yang sabit kesalahannya dihukum jel seumur hidup dan rotan 12 kali. Menteri undang-undang yang bersangkutan dengan dadah pernah membangkitkan masaalah penyeludupan dadah melalui Perlis tiap-tiap hari. Dengan perasaan ikhlas saya katakan di Dewan yang mulia ini bahawa saya cukup dukacita. Tetapi apakan daya kerana Perlis menjadi satu negeri yang diibaratkan pintu, walaupun kecil di situlah tempat penyeludupan dadah, di situlah diseludupkan senjatapi, beras Siam, lembu dan sebagainya.

Ladang tebu yang hasilnya begitu baik kalau hendak dibandingkan dengan seluruh Malaysia, menurut kajian, ladang tebu di negeri Perlis ini cukup lumayan, keuntungannya banyak kerana tanah cukup subur walaupun negerinya kecil, tetapi malang selalu diancam oleh kominis. Kadang-kadang berlaku colek-mencolek dan sebagainya. Oleh sebab itu kepada Timbalan Menteri yang berkenaan dengan penuh harapan dan timbangrasa yang berharap apa yang dikatakan oleh Menteri yang berkenaan di Dewan

yang mulia ini di masa yang lepas bahawa satu batalion askar akan diadakan di Perlis itu patutlah diadakan juga sebagaimana yang dijanjikan. Saya berharap sangat-sangat walaupun di dalam Anggaran ini tidak ada kerana macam saya katakan tadi Perlis walaupun sebuah negeri yang kecil tetapi negeri sempadan yang merupakan pintu masuk. Kalau kominis masuk melalui negeri Perlis, Tuan Pengerusi, mereka bukan hendak berhenti di situ sahaja, tetapi akan terus ke Kuala Lumpur. Kalau setakat negeri Perlis sahaja boleh jadi sudah nasib rakyat Perlis bahkan mereka terus, lapan jam sampailah ke Kuala Lumpur.

Jadi saya berharaplah untuk menjaga, biarlah ada satu batalion askar. Saya dapat tahu daripada beberapa orang pegawai-pegawai bahawa penyeludup-penyeludup senjatapi, beras dan sebagainya cukup takut kepada askar, kerana askar ada aturan, siapa lari—tembak. Tetapi kalau pegawai lain sekiranya hendak tembak dari belakang dan sebagainya jadi kes boleh dibawa bicara. Tetapi askar, kalau sesiapa lari dia boleh tembak. Sebab itu banyak penyeludup-penyeludup cukup takut dengan askar. Kalau penyeludup-penyeludup senjata takut, kominis lagi takut kerana mereka pandang askar ini lain daripada pegawai-pegawai lain. Polis pun ada senapang tetapi mereka lebih takut lagi kepada askar kerana mereka pandai berperang, orang kira, hendak tembak sahaja. Kalau silap, dia tembak. Dengan sebab itu saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri patutlah diadakan satu batalion askar di Perlis.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya dengar dari segi keselamatan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa pagar sempadan Malaysia/Thailand akan diadakan untuk keselamatan. Ini bermakna negeri Perlis termasuk Kelantan dan sebagainya.

Saya bersetuju, Tuan Pengerusi, tetapi seperti kata orang, pagar lembu-kerbau dengan kayu ataupun dengan dawai. Tetapi kalau hendak pagar manusia ini dengan dawai, dia akan ambil gunting, dibukanya. Kalau kita buat dengan batu, harus kalau kecil-kecil dia ambil tangga, dia naik ke atas. Saya tidak bangkang rancangan ini, tetapi saya berpendapat di samping kita hendak pagar sempadan, patutlah kita buat satu ruangan yang jarak kira-kira 100 ela di antara tengah sempadan dengan pagar itu. Ke arah Utara 50 ela dan Selatan 50 ela. Jangan dibuat pagar itu di dalam hutan. Kalau kita buat begitu maka senanglah pihak yang berkenaan jika ternampak sesuatu benda menaiki pagar itu, menunjukkan tanda-tanda yang tidak baik. Kedua, pegawai-pegawai keselamatan atau pasukan keselamatan kita senang mengawal mengikut kawasan yang cerah itu. Saya berpendapat cara ini lebih menasabah lagi dan saya bersetuju dengan pengumuman Timbalan Perdana Menteri itu, tetapi saya berharap biarlah kawasan cerah 100 ela daripada pagar itu diadakan.

Tuan Pengerusi, dengan itu sekali lagi saya menyeru, apa yang saya minta dan apa yang dijanjikan oleh Timbalan Menteri berkenaan patutlah diadakan, bukan untuk Perlis tetapi untuk keselamatan seluruh negara. Maka dengan ini saya sokong peruntukan Kementerian Pertahanan.

4.20 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya ingin juga memberi pandangan secara ringkas mengenai Kepala B. 28, muka surat 195, Pecahan-kepala 1100, 1120 dan 1300—Kementerian Pertahanan dan di samping itu saya ingin mengemukakan satu masaalah kepada pihak Kementerian supaya jika boleh memberi penyelesaian.

Masaalah yang pertama yang saya ingin sebutkan di sini, ialah masaalah penggunguran di kalangan bekas perajurit khasnya perajurit-perajurit negeri Sarawak, yang telah pada beberapa tahun yang lalu dan bertambah bilangannya yang bersara daripada perkhidmatan. Mungkin mereka ini bersara kerana sudah cukup tempoh ataupun perjanjian dalam perkhidmatan, baikpun disebabkan oleh mereka merasai kesulitan-kesulitan yang lain, dihadapi oleh mereka, baikpun ada dirasai kesulitan daripada segi kenaikan pangkat di dalam perkhidmatan di dalam perkhidmatan di kalangan mereka itu. Saya di sini ingin menyeru kepada Menteri yang bertanggungjawab supaya mencari jalan untuk mencegah berlakunya pemberhentian kerja di kalangan perajurit daripada Sarawak itu, supaya mereka dapat memberi perkhidmatan yang cukup memuaskan kepada negara tanpa merasa kesal mereka itu ketinggalan dalam pertimbangan kenaikan pangkat, ataupun kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Dahulu di Dewan ini telahpun dibangkitkan, bahawa perajurit-perajurit baikpun pegawai polis daripada negeri Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung telah merasai tidak puas hati mereka kerana tidak diberikan perhatian yang setaraf dengan rakan yang berasal dari Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak. Saya tahu bahawa keadaan negara kita sekarang memerlukan kakitangan Kerajaan di tanahair kita, terpaksa berkhidmat mana sahaja perkhidmatan mereka di kehendaki di lapangan apa sekalipun. Saya juga tahu bahawa keadaan ekonomi kita tidak begitu baik, yang memerlukan pengorbanan daripada semua penduduk negara ini, bahawa banyak pemuda-pemudi di tanahair kita sekarang yang cukup umurnya telah menjadi para pemohon di pasaran kerja, tetapi penyelesaian yang diminta di sini ialah bukannya perhatian yang istimewa terhadap perajurit-perajurit baikpun polis daripada Sarawak yang berkhidmat di sini bahkan satu perhatian yang menyeluruh iaitu mereka diberi gaji dan kemudahan mengikut tempat kerja, tempat kelahiran dan lain-lain yang setaraf dalam seluruh perkhidmatan.

Jikalau kita dapat buat demikian, saya anggap sebagai satu langkah jika pihak Kerajaan dapat menerima perkhidmatan penuh daripada kakitangan-kakitangan khasnya perajurit, mereka itu tidak bersara sebelumnya cukup tempoh di dalam perkhidmatan. Begitu juga mereka tidak akan menambah bilangan pengganguran di kalangan rakyat, lebih lagi pada ketika ini apabila pihak swasta dan ajensi-ajensi Kerajaan, tidak lagi dapat mengambil mereka untuk bekerja, ini akan menambahkan masaalah yang besar bagi negeri Sarawak, yang masih mundur dan sempadannya dengan Indonesia adalah satu tempat di mana musuh negeri dapat berkumpul.

Tuan Pengerusi, saya tahu bahawa Kerajaan telah dengan dayaupaya ingin mengekalkan perkhidmatan yang luas dan memuaskan seperti yang saya katakan tadi. Negara kita tidak mempunyai kemampuan untuk semua kehendak-kehendak rakyat. Saya pasti juga bahawa pihak Kementerian Pertahanan telahpun mengadakan perkhidmatan yang baik tetapi apa yang saya sebutkan ialah supaya, jika bilangan yang merasai tidak puashati, dapat dihadapi dan masaalah itu, dapat diselesaikan.

Satu perkara lagi yang saya ingin mengemukakan iaitu mengenai pampasan yang diberikan kepada keluarga perajurit yang gugur dalam perkhidmatan, ataupun gugur dalam pertempuran dengan musuh, dan lagi pampasan perajurit yang terpaksa berhenti berkhidmat kerana keadaan anggotanya cacat akibat pertempuran dengan musuh. Saya telah difahamkan bahawa sejak aktiviti menghadapi musuh di sempadan Malaysia/Thai, ada di antara perajurit kita telahpun mati ataupun cacat anggota akibat pertempuran dengan musuh. Juga ada di antara mereka itu telah dihantar balik ke kampung halamannya untuk menunggu supaya pemulihan dapat diperolehi. Tetapi ada juga mereka ini yang terpaksa menunggu sampai satu dua tahun dan belum mendapat pampasan ataupun pemulihan yang sewajarnya. Mereka ini adalah menderita. Saya misalkan, seorang perajurit yang sebelah kakinya telah dipotong akibat terperangkap oleh bobbytrap dan beliau telah dijanjikan dengan satu kaki palsu yang dibuat di England tetapi sehingga sekarang hampir dua tahun, kaki palsunya masih lagi belum sampai dan beliau tidak tahu bagaimana hendak menyumbangkan perkhidmatannya sebagai anggota perajurit ataupun sebagai bekas anggota perajurit.

Tuan Pengerusi, saya tidak hendak menyentuh soal membeli kapal-kapal dan senjata-senjata moden oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Ledang sudah membangkitkan dengan panjang lebar mengenai kapal-kapal dan senjata-senjata moden di tanah air kita. Tetapi saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan supaya mengambil perhatian yang serius dan saya di sini menyokong dengan sepenuhnya Anggaran Belanjawan yang telah diminta oleh Kementerian Pertahanan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada pukul 5.45 petang selewat-lewatnya. Saya nampak ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, saya harap tolong berucap dengan seberapa ringkas dan jangan diulang-ulangkan hujjahnya.

4.26 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh satu dua perkara berkenaan dengan Kementerian Pertahanan. Pada masa satu dua minggu

yang lalu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ada mendengar beberapa pandangan dan perkara mustahak yang dibangkitkan oleh pihak Pembangkang. Pada hari ini saya akan centralisekan apa-apa point yang kita telah bangkitkan pada satu dua minggu dahulu. Tuan Pengerusi, nampaknya Kementerian ini sedang cuba mendapatkan wang sebanyak $1,346,160,030 bagi tahun 1977.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Kepala P. 28, muka surat 199, Pecahan-kepala 9, 10, 11 dan 12. Mengenai pembelian Kapalterbang TUDM, DAP berminat untuk mengetahui apakah jenis kapalterbang yang Kerajaan akan beli, ini adalah mustahak. Adalah mendukacitakan bahawa Kementerian tidak memberi perhatian mengenai pembelian kapalterbang itu. Dia beli daripada yang telah timbul pada minggu yang lalu. Saya nampak bahawa Kementerian itu tidak menjalankan kawalan yang cukup (lack of control) mengenai beberapa orang pegawai dan pegawai-pegawai kanan yang mencari peluang dan kesempatan di atas perkembangan TUDM untuk membuat wang. Ia memerlukan Kerajaan yang kuat untuk mengawasi bahawa tidak ada kesumbangan di dalam Kementerian tetapi ini adalah sebaliknya.

Skandal Northrop masih lagi segar di dalam pemikiran rakyat. Di perhimpunan dalam bulan April Dewan ini, Perdana Menteri telah menerangkan bahawa hal ehwal Northrop adalah urusan antara Kerajaan dengan Kerajaan. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat satu perjanjian bagi tujuan itu tetapi di manakah perjanjian itu? Dewan ini masih belum ada peluang menyiasat syarat-syarat perjanjian itu. Dewan ini berhak mengetahui syarat-syarat urusan itu dan saya menuntut supaya syarat-syarat itu dibentangkan di Dewan ini bagi satu perdebatan yang penuh mengenai perkara ini.

Selanjutnya DAP juga menuntut supaya tidak ada perselindungan. Pegawai-pegawai Kanan Tentera Udara dan pegawai-pegawai Kementerian yang terlibat di bawa ke hadapan pengadilan. Bagi perkara mengenai pembelian kapalterbang, kapal-kapal laut dan peralatan ketenteraan DAP berasa tidak patut perkara itu diamanatkan kepada Ajen Komisyen (Commission Agent). Sejuah mana perkara Northrop itu berkenaan sebuah firma dikenali sebagai Syarikat Bumiputra adalah terlibat, beberapa orang dari pengarah-pengarahnya adalah perwatakan yang kaya-raya di Malaysia dan ini termasuk isteri Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya, Tan Sri Ahmad Perang.

Tuan Pengerusi: Perkara ini sudah dibangkitkan dahulu dalam sidang Dewan ini juga, tidak usahlah dibangkitkan lagi. Gunakan waktu ini untuk perkara yang lebih berguna lagi.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Pengerusi, perkara ini dahulu tidak berbangkit.

Tuan Pengerusi: Sudah berbangkit. Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang sudah bangkitkan. Baca balik Hansard. Jadi buat perkara baru, perkara lama buat apa dilapurkan.

Tuan Ngan Siong Hing: Kerajaan mestilah mengoverhaul keseluruhan sistem tender bagi peralatan ketenteraan. Andainya rasuah tidak disekat ia akan memburukkan lagi Tentera Udara dan akan membawa negeri ini ke lembah jahanam. Perdana Menteri juga ada berkata bahawa Kerajaan akan menulis kepada Kerajaan Amerika Syarikat bagi satu salinan kertas penyiasatan Jawatankuasa Konggres yang dibentuk bagi menyiasat Skandal Northrop itu. Bila saya ingin mendapat tahu samada lapuran itu telah diterima oleh Kerajaan di dalam satu soalan di Dewan ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan berkata bahawa lapuran itu tidak ada diterima—mengapa? Saya ingin tahu. Soalannya ialah mengapa atau adakah kemungkinan bahawa Kerajaan telah menerima lapuran itu tetapi menahannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk menerangkannya. Sekiranya Kerajaan belum lagi berbuat demikian DAP menggesa supaya langkah-langkah yang serta-merta diambil untuk mendapatkan satu salinan lapuran itu.

Saya juga ada pada 2-3 hari dahulu terbaca di dalam akhbar *Straits Echo* bertarikh 17hb November, 1976 bahawa TUDM telah menubuhkan sebuah AIROD (Aircraft Overhaul Depot). Adalah dikesalkan bahawa sebelumnya TUDM menghantar jentera-jenteranya ke pembuat-pembuat seberang laut untuk dioverhaul ini mesti memberikan keuntungan kepada Kerajaan. Apakah yang telah dibuat oleh TUDM sejak lahirnya selama 20 tahun kebelakangan ini. Walaupun

jentera-jentera itu sekarang dapat dioverhaul di sini tidak dapat bayangan bahawa AIROD berupaya mengoverhaul jentera-jentera yang sophisticated dari jenis Northrop F-5E. Ini bermakna jentera-jentera Northrop terpaksa dihantar ke Amerika untuk dioverhaul. Ini sangatlah tidak patut dilakukan. Oleh itu tidak berguna membeli kapalterbang kalau pihak TUDM melatih pada masa yang sama juruteknik-juruteknik yang mengendalikan kerja-kerja teknik. Dengan yang demikian, TUDM masih lagi mundur.

Tuan Pengerusi, muka surat 199 pihak Kementerian membelanjakan sebanyak $274 juta bagi membeli kapal-kapal TLDM.

Tuan Pengerusi: Ini anggaran bagi tahun 1976 sampai 1980 Rancangan Malaysia Lima Tahun Yang Ketiga.

Tuan Ngan Siong Hing: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Majlis ini sedang membincangkan Anggaran Perbelanjaan tahun 1977.

Tuan Ngan Siong Hing: Ya, benar dan $15 juta bagi peralatan kapal-kapal laut—saya akan bandingkan kedua-dua perkara ini. Ini mestilah dijangka bahawa jumlah wang ini termasuk wang yang diperlukan bagi SPICA-M kuasa diesel proto-type yang sekarang sedang dibina di Sweden yang akan menelan belanja sebanyak $166 juta pada mulanya tetapi sekarang telah dikurangkan sebanyak $9 juta. Ini dikatakan beberapa orang tidak mempunyai nasib baik untuk membuat $9 juta. Kerajaan mestilah saya harap memerhatikan kali kedua mengenai perkara itu dan membentangkan syarat-syarat kontrek itu di Dewan ini. Selanjutnya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab memaksa perkara ini mestilah disiasat oleh NBI dan pegawai-pegawai di Kementerian yang terutama KSU dan Penolongnya yang mempunyai pengetahuan terus urusan ini mestilah disoal. Ini DAP demand. Dengan hal yang demikian, DAP ingin menyatakan di sini yang mengkehendaki sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja dibentuk untuk menyiasat perkara itu.

Tuan Pengerusi, inilah pandangan DAP.

4.38 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Kementerian yang berkenaan.

Saya ingin juga menyentuh Kepala P. 28—Kementerian Pertahanan dalam Kertas Perintah 40 tahun 1976, muka surat 371—Prestasi (i) (*f*) pentadbiran hal ehwal anggota tentera yang bersara. Dalam perkara anggota tentera yang bersara ini saya hendak bercakap berkenaan dengan Wisma Persekutuan di Pulau Pinang. Pekerja-pekerja yang bertugas di sini sekarang adalah anggota-anggota tentera yang bersara. Mereka ini terdiri dari 15 orang semuanya. 10 orang daripadanya bekerja di mess, restoran, bilik rehat dan menghantar makanan ke bilik tamu. 4 orang lagi Bell-Boys. Seorang penjaga setor. Mereka bertugas dengan dua shift: 5 orang bertugas siang dan 5 orang lagi malam. Memandangkan kepada bangunan yang kawasannya besar seperti mempunyai 35 bilik termasuk bilik khas dan 3 suit, jadi tidak memadailah jika dikendalikan oleh 15 orang kakitangan sahaja. Nyata sekali bangunan itu tidak dijaga dengan baik dan di bahagian tertentu terdapat kebocoran di merata-rata tempat. Sebagai sebuah bangunan yang satu masa dahulu terkenal sebagai sebuah hotel terkemuka di Pulau Pinang, maka pihak yang berkenaan hendaklah menambahkan lagi kemudahan-kemudahan di situ dengan kelengkapan moden termasuk peti TV, muzik, bahan bacaan dan lain-lain kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, begitu juga Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan juga orang-orang kenamaan kita sendiripun menginap di situ. Dengan menambahkan kelengkapan dan kemudahan di situ, maka bilangan pekerjanya juga mesti ditambah kerana dengan ramainya bilangan pekerja di situ kelak maka akan bertambah memuaskan perkhidmatannya. Kerajaan juga hendaklah mengambil perhatian tentang tanggagaji pekerja-pekerja di situ. Biarlah ianya seimbang dengan taraf dan tugas yang dibuat. Kebanyakan pekerja-pekerja di situ mempunyai anak-anak yang bersekolah. Jadi, tanggungjawab mereka sangatlah berat sekali.

Tuan Pengerusi, akhir sekali dan tidak kurang juga pentingnya ialah pihak Wisma Persekutuan ini hendaklah mengawasi penggunaan sewaan di sini. Janganlah ianya diberikan kepada orang yang bukan kakitangan Kerajaan kerana bayarannya yang murah

jadi orang-orang yang tertentu menggunakan nama kawan-kawan mereka yang bukan terdiri dari kakitangan Kerajaan.

4.43 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan Kementerian ini sebanyak $1,346,000,003. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua anggota Pasukan Keselamatan terutama sekali pasukan tentera kita yang sedang berkhidmat dengan cemerlangnya terutama sekali di sempadan dan di perbatasan.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini kerana dalam usaha mereka mempertahankan negara, mereka tidak lupa juga hal-hal ugama dengan mengada dan menganjurkan pertandingan-pertandingan membaca Al-Quran dan sebagainya. Tetapi malangnya, dan perkara ini telahpun saya sebutkan dahulu dalam Dewan yang mulia ini, ada juga amalan double-standard sedikit sebanyak. Sebaliknya kita mengadakan pertandingan membaca Al-Quran dengan harapan bahawa askar-askar kita akan tinggi daripada segi kerohaniannya, tetapi sebaliknya tiap-tiap tempat di mana ada pasukan-pasukan askar, tentera kita tidak dapat, kita sentiasa melihat mess pegawai diisi dengan itu dan ini dan di sini beer dan minuman-minuman keras juga dijual. Saya menyeru kepada Kementerian ini supaya apalah kiranya menghapuskan penjualan minuman keras dan beer di dalam mess-mess pegawai dan kakitangan lain. Bukan kita hendak menegahkan mereka ini daripada minuman beer dan minuman arak, tetapi jangan kita menggalakkan. Mereka boleh pergi ke bar dan night club untuk hendak minum, tetapi janganlah dalam kawasan atau dengan disokong oleh Kementerian ini sendiri.

Selain dari itu dalam Kepala B. 28, Pecahan-kepala 1100, saya ingin menyentuh sedikit berkait dengan Aktiviti (4) dan (5)—Latihan dan Penyelidikan dan Kemajuan (Research Development). Saya ingin menyeru kepada Kementerian ini supaya mengkaji semula faedah yang terdapat daripada menghantar pegawai-pegawai kita, pegawai-pegawai pangkat rendah dan juga pegawai-pegawai pangkat tinggi pergi kursus ke luar negeri. Apakah faedah yang telah tercapai oleh mereka ini. Adakah suasana dan keadaan dalam negara kita tidak sesuai untuk melatih pegawai-pegawai ini. Pada hal tempat-tempat yang mereka ini dihantar ialah tempat-tempat di mana mereka ini cuma mengada pengalaman dari segi conventional warfare, tetapi daripada segi perjuangan dalam hutan mereka ini pada fikiran saya lebih cetek lagi daripada pengetahuan yang ada pada askar-askar kita sekarang. Kalau begitu, apakah faedahnya kita menghantar pegawai-pegawai ini; tambahan pula pegawai-pegawai pangkat rendah? Perkara ini saya meminta Kementerian ini supaya mengkaji semula.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh di atas Pecahan-kepala 2100—Perjalanan dan Pengangkutan Orang. Kerapkali melihat apabila kita berjalan di atas jalanraya kita melihat askar-askar kita dikurung dalam lori-lori, berjalan beratus-ratus batu untuk pergi berkhidmat di tempat mereka ditugaskan. Ini saya minta Kementerian ini memikirkan semula. Pada hal kadang-kadang kita naik kereta tidak ada air-condition sekalipun kita berasa tidak selesa, apatah lagi mereka ini dikehendaki dihantar beratus-ratus batu di atas truck dengan tudung tarpaulin sahaja. Jadi, bolehlah kita bandingkan keadaan mereka dengan keselesaan kita.

Satu lagi kalau kita hendak beri pegawai-pegawai pangkat rendah berjalan daripada satu tempat ke satu tempat dengan begitu buruk keadaan kenderaannya, mengapa tidak diletakkan pegawai-pegawainya di situ sekali samada dia pangkat General, Captain atau Colonel, baru dia tahu betapa pahitnya keadaan.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga saya ingin menyentuh berkait dengan Kepala P. 28, Pecahan-kepala 8—Pembelian Kelengkapan Tentera. Banyak sudah diperkatakan dalam Dewan yang mulia ini dan juga di luar Dewan berkait dengan perkara ini dan saya harap Kementerian ini mendapat satu pelajaran daripada kesilapan yang telah berlaku pada masa-masa yang sudah. Kementerian ini mesti memikirkan semula apakah faedahnya melengkapkan askar-askar kita dengan kapal-kapal terbang supersonic F5E. Kita mesti memikir semula apakah faedahnya melengkapkan askar-askar kita dengan kereta-kereta kebal, kita bukan hendak pergi perang di padang pasir, kita hendak berperang dalam hutan, pada hal askar-askar Jepun dahulu menawan negara

kita cuma dengan basikal sahaja. Jadi, apakah faedahnya hendak melengkapkan askar-askar kita dengan perkara-perkara ini. Saya masih teringat semasa saya berkhidmat dalam Pasukan Keselamatan lebih kurang 12-14 tahun dahulu. Masa dahulu ada satu jenis kapalterbang helicopter yang mempunyai dua kipas dipanggil Bellvedere ataupun dikenali sebagai Kapal Terbang Kayu Balak. Kapal terbang ini pada fikiran saya amat sesuai untuk mengangkut dan menghantar askar-askar kita dalam hutan kerana tiap-tiap satu kapal terbang ini termasuk alat-alat kelengkapan dan bekalan boleh membawa tidak kurang daripada satu platoon. Saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya menumpukan perhatian apabila hendak membelanjakan wang rakyat kepada benda-benda seperti ini, helicopter Bellvedere dan sebagainya. Janganlah kita hendak beli supersonic F5E, SPICA-M, kereta-kereta kebal dan sebagainya. Kita bukan hendak pergi perang conventional warfare. Apa yang kita hadapi sekarang ialah guerilla warfare ataupun peperangan dalam hutan dan inilah sedikit sebanyak pendapat saya dan saya harap Kementerian ini akan mengkaji pendapat ini dan kalau boleh cuba supaya wang yang begitu banyak jangan dibazirkan.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab tidak ada lagi Ahli yang hendak bercakap, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapannya.

4.50 ptg.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang telah memberi pandangan untuk membina bagi kebaikan angkatan tentera kita keseluruhannya dan juga perjalanan Kementerian Pertahanan sendiri. Setelah mendengar pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat ada di antara pandangan-pandangan yang dapat digunakan secara terus akan digunakan oleh Kementerian ini untuk kebaikan kita bersama dan jika ada perkara-perkara yang sama tetapi ada dua pendapat yang berasingan di antara dua ahli-ahli Yang Berhormat perkara-perkara seperti ini akan dipertimbangkan dari segi kesesuaian pandangan-pandangan yang telahpun dikemukakan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menimbulkan beberapa perkara dan di antara perkara-perkara yang telah ditimbulkannya telahpun saya jawab baru-baru ini seperti tentang had umur 21 tahun berkhidmat ataupun sehingga umur 45 tahun sebelum peraturan yang ada sekarang ini di mana had maksima yang diberikan ialah perkhidmatan maksima selama 21 tahun ataupun had umur seseorang lain-lain pangkat itu meningkat 45 tahun. Jawapan telahpun saya beri dalam soal-jawab pada masa-masa yang telah sudah.

Tentang pembayaran sagu hati yang dikatakan lambat, saya berharap jikalau ada berlaku mana-mana ketika pembayaran sagu-hati yang sepatutnya cepat dijelaskan masih lambat juga ditunaikan, saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan mana-mana kes-kesnya itu kerana mulai baru-baru ini kita telahpun membuat beberapa kajian untuk mempercepatkan sebarang kelewatan yang mungkin timbul. Jadi sehingga ini mengikut pengetahuan kita hanya kes-kes yang mungkin ada beberapa persoalan sahaja berkaitan dengannya yang agak memakan masa yang lama sebelum penjelasan atau pembayaran boleh dibuat. Tetapi kes-kes yang tidak mempunyai sebarang kaitan yang mungkin menjadi masa-alah pada biasanya sekarang ini telah dijelaskan mengikut jadual sepertimana yang dikehendaki di Kementerian. Ahli Yang Berhormat itu juga telah menimbulkan tentang latihan sepanjang masa patut dibuat untuk angkatan tentera kita. Sebagai satu kebiasaan ini sememangnya dibuat pada masa ke semasa iaitu umpamanya apabila sesuatu pasukan telah keluar daripada operasi dalam ketika masa pasukan-pasukan ini berada di kem masing-masing, tiap-tiap hari diadakan latihan. Begitu juga selain daripada latihan-latihan yang diadakan di kem-kem tempat tinggal mereka itu sendiri mengikut giliran pasukan-pasukan sehingga sebesar satu batalion juga telah dihantar ke Pusat Latihan kita di PULADA, Kota Tinggi untuk memperbaharui sebarang kecekapan yang perlu diketahui dari segi ketenteraan oleh anggota-anggota angkatan tentera kita ini.

Berkenaan dengan rancangan perumahan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan juga Ahli Yang Berhormat dari Ledang, sebarang kelewatan perlaksanaan bangunan rumah-rumah kediaman sedang kita ikhtiarkan bersama-sama dengan J.K.R. untuk diatasi. Tetapi dukacita

kadang kala kita menghadapi masaalah-masaalah daripada kontrektor-kontrektor di mana jadual kerja tidak dapat diikuti selain daripada sebab-sebab yang tertentu yang boleh diterima, kadang kala kontrektor-kontrektor ini juga menghadapi masaalah-masaalah peribadi masing-masing. Pihak Kementerian menyedari penuh di atas kesulitan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu di mana tempat tinggalnya adalah tidak begitu sempurna seperti yang terdapat sekarang ini tetapi segala usaha akan dibuat dan dicari oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masaalah ini. Rundingan-rundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri sedang dijalankan untuk mendapatkan tempat kawasan dan juga kemungkinan di mana dengan kerjasama Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Dewan Bandaraya dan lain-lain di mana sesuai bangunan-bangunan atau flet-flet (flats) samada disewa ataupun mungkin dibeli oleh pihak Kementerian bagi menampung masaalah kekurangan perumahan ini secara beransur-ansur. Masaalah perumahan yang dihadapi sekarang ini memangnya besar jika sekalipun peruntukan yang telah disediakan bagi keperluan perumahan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dapat dijalankan 100% masih lagi akan kedapatan kekurangan perumahan bagi anggota-anggota angkatan tentera kita.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah juga merayu supaya Kementerian ini tidak mengenepikan dan hendaklah mengikuti pandangan-pandangan Jawatankuasa Penilaian dan janganlah meninggalkan pandangan-pandangan Jawatankuasa Penilaian ini dari segi kesesuaian sebarang peralatan, sebarang langkah-langkah yang akan dibuat oleh Kementerian untuk tentera kita sendiri. Saya sendiri bersetuju sangat dengan Ahli Yang Berhormat di atas pandangan itu. Oleh sebab adanya pandangan Ahli Yang Berhormat supaya pandangan dan pendapat professional kita dalam tentera kita ini jangan diketepikan adalah menjadi rumit sedikit bagi saya sekarang untuk menimbangkan semula penempatan pengkalan TUDM di Subang itu kerana ini juga adalah daripada kajian dan syor TUDM sendiri iaitu satu badan professional dan tadi jika Ahli Yang Berhormat telah minta jangan kebelakangkan pandangan mereka ini. Sekarang ini kalaulah hendak ditarik semula keputusan itu seolah-olah kita sama-sama pula bercanggah. Walau bagaimanapun, atas pandangan supaya taburan dan penempatan di tempat-tempat yang stratejik ini dikaji dan pihak TUDM mungkin dalam masa yang tidak lama lagi membuat penentuan dimanakah tempat-tempat yang agak sesuai diadakan, tidak semestinya pengkalan tetapi penempatan tentera kita samada TUDM laut ataupun darat.

Sehingga ini sepanjang pengalaman saya di dalam Kementerian Pertahanan tidak pernah dan tidak ada berlaku sebarang pendapat Jawatankuasa Penilaian telah diketepikan atau di kebelakangkan dan sebarang pembelian dan sebarang keputusan yang hendak dibuat oleh Kementerian Pertahanan walau di peringkat apa sekalipun adalah memerlukan kajian, pandangan dan syor daripada badan-badan yang berkenaan samada daripada tentera darat, laut ataupun udara ataupun pihak lojistik dan sebagainya. Dan atas syor-syor dan pandangan-pandangan badan-badan inilah sesuatu keputusan dibuat oleh pihak yang berkenaan, melainkan jika berlaku sesuatu keadaan ataupun suatu ketika yang boleh menimbulkan sebarang perasaan kecurigaan oleh pihak atau badan berkuasa ini apabila berlaku kecurigaan seperti itu biasanya apa yang dibuat kajian itu disuruh buat semula ataupun sesuatu kajian lain dibuat semula.

Ahli Yang Berhormat itu menegur tentang kapal terbang pengangkut—Caribou yang lanjut umur, di sini saya berharap Ahli Yang Berhormat akan bersimpati dengan kapalterbang jenis Caribou ini kerana kapalterbang jenis Caribou kita ini sungguhpun sudah lanjut usianya boleh disifatkan sebagai manusia juga. Ada di kalangan kita manusia ini sungguhpun lanjut ataupun meningkat umurnya, tetapi makin tambah meningkat umurnya dari hari ke sehari, setahun ke setahun kena dengan pakaiannya make-up dan sebagainya, betul enjinnya tambah lawa lagi. Jadi begitu juga tentang ada peralatan kita dijaga dengan baik servicing, pengendalian dan sebagainya, kapalterbang jenis Caribou ini masih lagi boleh digunakan.

Tuan Pengerusi: Jadi, Speaker ini ada harapan lagilah.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Ada harapan (*Ketawa*). Walau bagaimanapun, apabila didapati peralatan kita samada kapalterbang yang telah begitu uzur, tidak semestinyalah lama tetapi uzur ini adalah digantikan, umpamanya dengan pembelian baru kapalterbang pengangkut jenis C. 130

dengan adanya pertambahan kemudahan pengangkutan ini dan juga sampai had masanya bagi kegunaan kapalterbang jenis Herald, kepalterbang jenis Herald ini akan diberhentikan seperti yang telah diumumkan baru-baru ini. Begitu juga keadaanya dengan peralatan kegunaan tentera kita yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah menimbulkan tentang pembekalan barang-barang perlu dan bahan perlu untuk kegunaan tentera kita supaya peluang-peluang diberi kepada peniaga bumiputra ataupun koperasi sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru kita. Sememanglah ini menjadi salah satu daripada perkara yang hendak dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan dan koperasi angkatan tentera sendiri mengikut kemampuannya adalah diberi galakan untuk sama-sama bertanding dengan mereka yang lain untuk mendapatkan sebarang peluang samada pembekalan bahan-bahan ataupun sebarang perkara yang lain di mana perkara itu adalah dibuka kepada penyertaan umum.

Tentang pemecahan kontrek-kontrek, ini sedang dijalankan secara beransur-ansur mengikut keadaan barang yang dibekalkan dan tempat-tempat yang dibekalkan, kerana jika pemecahan kontrek yang besar yang ada sekarang ini dibuat dengan serta-merta ini mungkin akan menimbulkan beberapa masaalah lojistik, kemasukan beberapa banyak bilangan pembekal dalam sesuatu kawasan angkatan tentera dan sebagainya. Jadi sungguhpun sekarang ini menjadi matlamat kita untuk memecahkan mana-mana yang boleh kontrek-kontrek yang besar samada mengikut perjenisan ataupun tempat-tempat, perkara ini perlulah dikaji dengan mendalamnya oleh pihak Kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang, telah juga menyentuh tentang pembelian alatan hendaklah sesuai dengan jenis musuh yang kita hadapi di negara kita ini. Begitu juga Ahli dari Permatang Pauh telah menyebut tentang persesuaian jenis alatan yang dibeli oleh Kementerian ini. Tuan Pengerusi, inginlah saya tegaskan di sini kesesuaian alatan untuk jenis perjuangan ataupun keadaan kegunaan bagi keperluan kita sendiri sentiasa diutamakan. Ini termasuklah dalam pembelian kapalterbang ataupun senjata kegunaan tentera darat ataupun laut. Sebagai contohnya baru-baru ini telah menandatangani satu kontrek untuk membeli helikopter jenis pengangkut. Ini adalah sesuai dengan tujuan dan matlamat kita menitikberatkan masaalah pengangkutan samada pengangkutan tentera ataupun peralatan logistic force bagi angkatan tentera darat kita.

Begitu juga dengan pembelian kapalterbang jenis C. 130 baru-baru ini. Tentang pembelian kapalterbang jenis supersonic ataupun F5E yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, pembelian itu tidaklah bermakna bahawa kita mengenepikan atau memberi keutamaan yang tinggi ataupun semestinya akan membeli banyak lagi kapalterbang jenis itu, kerana ada sekatan priority ataupun keutamaan-keutamaan yang telahpun ditentukan di Kementerian Pertahanan, setakat manakah keperluan sesuatu jenis kelengkapan yang mesti diperolehi oleh angkatan tentera kita. Begitu juga soal pembelian kereta kebal telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Kegunaan kereta kebal di sini bukanlah seperti yang dimaksudkan di negeri-negeri padang pasir seperti perjuangan-perjuangan di sana di mana kereta kebal itu juga menggunakan roda besi bagi peperangan di padang pasir yang hanya sesuai dengan keadaan seperti itu, tetapi keperluan kita kereta kebal ini adalah didapati perlu untuk mengangkut dan memindahkan sesuatu pasukan yang bilangannya tertentu daripada satu tempat ke satu tempat di kawasan-kawasan yang dianggap merbahaya. Umpamanya, kereta kebal ini adalah didapati sangat perlu bagi mengawal kerja-kerja yang sedang dijalankan bagi pembinaan lebuhraya Timur-Barat Deli dan Grik. Dan begitu juga sangat perlu bagi memindahkan dan mengangkut pasukan tentera kita ke kawasan Temenggur Dam. Tuan Pengerusi, kegunaan dan keperluan kereta kebal jenis ini tidak boleh dinafikan dan bukanlah pembelian kereta kebal ini bermaksud bahawa kita akan melengkapkan tiap-tiap yunit ataupun mengadakan satu bilangan pasukan kereta kebal yang begitu besar. Pembelian ini dan bilangan kereta-kereta kebal yang dibeli adalah mengikut keadaan dan keperluan kita sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang juga telah menimbulkan sekali lagi tentang kebocoran rahsia, setakat ini dan pada hari ini saya anggap memadailah bagi pihak Kementerian Pertahanan mengatakan langkah-langkah sedang diambil untuk mengatasi masaalah kebocoran rahsia ini walau apa rupa ataupun keadaan sekalipun.

Sebelum menjawab soalan-soalan dan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar terlebih dahulu saya meminta maaf kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar kerana tatkala beliau baharu berucap tadi saya telah keluar ini bukanlah, kerana saya tidak ingin mendengar apa yang diucapkan oleh beliau tetapi oleh sebab keadaan memaksa saya keluar untuk mencari seorang penterjemah untuk mengalih sedikit sebanyak perkataan-perkataan yang susah saya faham daripada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat itu tadi.

Di antara perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar adalah tentang elaun kenderaan terutama sekali sekarang ini di Perlis umpamanya kata beliau topi keledar akan diwajibkan penggunaan. Tentang elaun kenderaan ini adalah mengikut sukatan yang biasa digunakan, bukannya sahaja untuk anggota angkatan tentera kita, tetapi juga mengikut sukatan yang digunakan bagi kakitangan-kakitangan yang lain. Pengwajipan penggunaannya tidaklah boleh digunakan sebagai satu alasan kerana kenapa elaun ini mesti ditinggikan kerana bagi anggota-anggota angkatan tentera, penggunaan topi keledar terutama sekali pegawai-pegawainya memangnya diwajibkan dari dahulu lagi jikalau mereka ini menunggang motorsikal dan sebagainya.

Tentang masaalah pemberian pencen dan sekatan kepada balu-balu ini untuk berkahwin dan kalau mereka ini berkahwin lagi pencen itu akan diberhentikan dan Ahli Yang Berhormat telah berkata bahawa ini adalah berlawanan dengan kehendak Tuhan, mungkin juga Ahli Yang Berhormat lupa mengatakan ini juga adalah berlawanan dengan kehendak diri sendiri. Walau bagaimananpun, tentang kemuskilan yang ditimbulkan beberapa masaalah dikalangan beberapa orang balu, ini kita sendiri sedari dan tentang cadangan Ahli Yang Berhormat saya melonggarkan ataupun membenarkan balu-balu itu berkahwin semula, tetapi sebarang pemberian itu sebaliknya diberikan pula kepada anak-anak bekas perajurit. Ini adalah suatu perkara yang Kementerian Pertahanan juga memandang berat dan Kementerian akan mengkaji perkara ini dan akan berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan dimana syor-syor Ahli Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan. Saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat apabila saya mengatakan Kementerian akan mengkajinya dan mempertimbangkan perkara ini, janganlah nanti mengharapkan bahawa semestinya keputusannya pula ialah perkara yang disyorkan itu dilaksanakan, kerana ini tertakluklah kepada keadaan-keadaan dan beberapa pertimbangan yang mungkin akan timbul nanti. Saya terpaksa berkata demikian, Tuan Pengerusi, kerana Ahli Yang Berhormat juga telah berkata bahawa saya telah berjanji di dalam Dewan ini bahawa satu batalion kompleks akan didirikan di negeri Perlis. Ini adalah tidak benar. Apa yang saya katakan bahawa angkatan tentera darat sekarang ini sedang mengkaji tempat-tempat dimana kompleks batalion mungkin didirikan di merata negeri di Malaysia ini. Dan tidak ada sepanjang ingatan saya di mana saya telah berjanji bahawa satu batalion kompleks akan ditempatkan di negeri Perlis.

Dalam soal penempatan pasukan-pasukan angkatan tentera darat kita di mana Ahli Yang Berhormat telah merayu sekali lagi supaya diadakan di negeri Perlis di sini saya ingin tegaskan secara menyeluruh perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh Kementerian Pertahanan dalam soal penempatan batalion kita di mana-mana satu tempat di negara ini. Seboleh-bolehnya pertimbangan keselamatan juga diperincikan termasuk juga kemudahan-kemudahan yang perlu diadakan bagi sesuatu batalion kompleks itu. Berlainan dengan anggota yang benar-benar menjalankan tugas bagi mengawal keselamatan dalam batalion kompleks ini juga akan ditempatkan keluarga-keluarga termasuk isteri, anak-anak kepada anggota angkatan tentera kita ini. Dan Kementerian Pertahanan tidak boleh mengenepikan masaalah sosial, masaalah kemasyarakatan, kemudahan sekolah, kemudahan awam dan sebagainya bagi keluarga-keluarga anggota angkatan tentera kita. Jadi di mana satu tempat yang disyorkan pertimbangan mesti dibuat bagi memenuhi keperluan-keperluan sosial, kemasyarakatan dan lain-lain lagi untuk keluarga anggota angkatan tentera kita ini, sedangkan untuk menghadapi ancaman-ancaman musuh dan sebagainya kem-kem sendiri boleh didirikan ataupun tactical camp boleh diadakan di kawasan yang dianggap menghadapi ancaman musuh tanpa melibatkan sebarang pemindahan kepada keluarga, isteri dan anak-anak anggota pasukan keselamatan kita itu tanpa pemindahan mereka ini

ke tempat-tempat di mana dikatakan adalah diancam oleh musuh itu ataupun menghadapi masaalah-masaalah daripada musuh kita.

Ini adalah menjadi salah satu daripada kesulitan yang dihadapi oleh banyak di antara anggota-anggota angkatan tentera kita jikalau tadi Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi sokongan kepada anggota angkatan tentera kita dan juga merayu kepada pihak Kerajaan supaya memberi kemudahan-kemudahan bagi membantu keadaan hidup mereka ini, di sinilah salah satu cara, salah satu langkah di mana Kerajaan boleh meringankan bebanan yang dipikul oleh anggota angkatan tentera kita ini dengan menentukan bahawa masa hadapan keluarga mereka ini, terutama sekali anak-anak mereka ini adalah lebih terjamin dengan penempatan kem-kem tempat-tempat tinggal ataupun batalion kompleks ini ditempatkan di kawasan-kawasan yang mempunyai kemudahan-kemudahan awam yang cukup.

Pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain seperti latihan untuk Askar Wataniah, cara-cara latihan, pagar keselamatan dan sebagainya telah saya ambil ingatan. Begitu juga pandangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang telah menimbulkan masaalah yang dihadapi oleh bekas-bekas perajurit kita. Cuma satu perkara yang ingin saya tegaskan di sini, iaitu sungguhpun mungkin ada sedikit perbezaan keadaan yang berlaku ke atas bekas perajurit kita di antara bekas perajurit di Semenanjung Malaysia dengan di Sarawak. Di sini bukanlah oleh kerana ada sebarang maksud ataupun tujuan yang disengajakan di mana keadaan perbezaan di antara dua badan perajurit iaitu satu perajurit di Sarawak dan satu lagi perajurit di Semenanjung adalah berlainan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit baru ditubuhkan di Kementerian Pertahanan dan bahagian ini mengendalikan masa hadapan bekas-bekas perajurit kita untuk menghubungi badan-badan yang lain daripada Kementerian ini supaya dapat menempatkan bekas-bekas perajurit kita di tempat-tempat yang sesuai untuk mendapatkan pekerjaan dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan pekerjaan seperti ini kalau dibandingkan di sini adalah lebih senang untuk didapati kerana perhubungan dan kemungkinan kita bertemu dengan pihak-pihak atau bakal-bakal majikan ini adalah lebih senang di Semenanjung. Oleh sebab perhubungan di antara Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit ini adalah begitu mudah dengan pihak-pihak yang mungkin akan menerima bekas-bekas perajurit ini adalah lebih di Semenanjung maka timbullah keadaan seperti yang terdapat sekarang ini. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil langkah untuk mengawasi perkara ini supaya jangan perkara ini akan berpanjangan.

Mengenai seorang perajurit yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat menunggu selama dua tahun untuk mendapatkan kaki palsunya, saya berharap Ahli Yang Berhormat akan dapat berhubung dengan saya supaya saya dapat meninjau kes yang dimaksudkan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah menimbulkan masaalah mengenai adanya jualan minuman di mess-mess pegawai ataupun di kompleks angkatan tentera kita samada darat, laut ataupun udara. Di sini ingin saya menegaskan bahawa adanya mess ini tidak boleh disamakan dengan tempat minuman keras, sungguhpun apabila kita menyebut mess oleh sebab sejarah mess ini sendiri telah terlekat dengan nama tempat minuman keras. Tetapi adalah menjadi salah sekarang ini jikalau kita anggap bahawa mess itu semestinya adalah pusat minuman ataupun di mana minuman keras ini adalah digalakkan.

Cara-cara Kementerian Pertahanan khususnya angkatan tentera kita mengatasi ataupun mengurangkan minuman-minuman keras ini adalah banyak dan penutupan larangan jualan minuman keras daripada mess ini tidak akan semestinya membawa penyelesaian, kerana jikalau seorang anggota angkatan tentera itu berkehendakkan minuman, nescaya ada tempat-tempat yang lain di mana mereka ini boleh pergi untuk mendapatkannya. Jikalaulah anggota angkatan tentera kita ini pergi minum di tempat luar bukannya tempat yang ditentukan, dan tempat-tempat luar ini adalah tempat-tempat yang terbuka adalah lebih besar bahayanya. Mungkin sebarang perbincangan atau kebocoran dan sebagainya akan berlaku terutama sekali jikalau mereka yang berkenaan itu minum berlebihan. Memandangkan keadaan seperti ini kemudahan minuman keras diadakan di mess-mess untuk menentukan jikalau ada di kalangan pegawai-pegawai ataupun anggota angkatan tentera yang

menjadi kaki minum dan mereka ingin minum, mereka boleh menggunakan tempat-tempat yang tertentu ini.

Cara-cara kita mengatasi ataupun hendak mengurangkan amalan minum, jikalau pada masa yang telah sudah ini menjadi satu amalan adalah banyak cara-cara yang lain, ingin saya memberi contoh di sini umpamanya menjadi kebiasaan diadakan minuman ucapan ataupun dengan izin dalam bahasa Inggeris "Toast". Kalau dahulunya minuman keras seperti champagne dan sebagainya digunakan, tetapi sekarang ini sungguhpun gelas yang sama digunakan tetapi samada air sejuk ataupun sodar water yang digunakan untuk menggantikan champagne ini.

Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan tentang faedah-faedah yang kita perolehi dengan menghantar pegawai ataupun anggota-anggota lain pangkat berkursus di luar negeri. Sboleh-bolehnya, kita berkehendakkan mereka ini berkursus di dalam negeri, jikalau terdapat tempat-tempat yang cukup dan juga jenis-jenis pengajian yang sesuai seperti mana yang diperlukan di dalam negeri kita sendiri. Langkah-langkah untuk mengadakan tempat-tempat yang cukup ini telahpun dibuat, tetapi sehingga keadaan ini mencukupi kita terpaksa menghantar mereka ini berlatih di luar negeri. Apatah lagi jikalau ini adalah di bidang teknikal di mana kemajuan kita di bidang teknikal masih ke belakang lagi. Walau bagaimana seperti yang saya katakan tadi secara beransur-ansur kita sedang mengadakan kemudahan latihan untuk keperluan kita sendiri di dalam negeri dengan mengadakan jurulatih-jurulatih yang terlatih samada di dalam negeri atau di luar negeri juga. Begitu juga kemudahan latihan untuk pegawai Kementerian Pertahanan hanya baru-baru ini sahaja mengadakan Staff Collegenya sendiri dan ini pun tempat-tempat di Staff College ini adalah begitu terhad. Sungguhpun perkara-perkara yang dibincangkan di tempat-tempat latihan luar negeri ini tidak semestinya 100 peratus sesuai dengan keadaan dan keperluan kita, tetapi daripada segi konsep dan apatah lagi daripada segi pengetahuan teknikal, pengetahuan-pengetahuan ini banyak terdapat persamaannya daripada satu tempat dengan satu tempat yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menimbulkan tentang masaalah-masaalah di Wisma Persekutuan. Oleh sebab perkara-perkara yang ditimbulkan tadi adalah tertentu, ini saya memerlukan masa untuk meninjau, melihat keadaan yang berlaku di sana dan kita akan cuba berikhtiar mencari jalan-jalan untuk mengatasi sebarang masaalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kinta seperti yang telah saya jangka kali ini pula telah dilantik sebagai jurucakap kepada kumpulan yang tidak senang hati dengan keputusan Kementerian Pertahanan untuk membeli kapal seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Ini tidak hairanlah kalau jurucakapnya ini, jurucakap kumpulan yang tidak senang hati ini berganti daripada masa ke semasa, esok pagi tidak tahu siapa pula yang akan menjadi jurucakap kepada kumpulan yang tidak puas hati ini.

Seperti yang saya tegaskan pada masa yang telah sudah dan saya tidak akan menghuraikan dengan panjang lebar di sini untuk menjimatkan masa Dewan ini, kalau saya jawab sekalipun mungkin tidak akan sampai ke mana-mana peringkat yang boleh meyakinkan mereka yang tidak puas hati ini terutama sekali di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP kerana memangnya sehingga baru-baru ini seolah-olah mereka kalau tidak puas hati mereka boleh keluar Dewan dan sebagainya. Dan seperti yang saya katakan, saya tidak akan menghabiskan masa Dewan ini untuk menjawab menghuraikan satu persatu atas kemusykilan ataupun tuduhan yang mereka timbulkan itu.

Saya agak berasa dukacita kerana sekali lagi Ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang khususnya DAP telah mempamirkan kepada kita semua atas kejahilan mereka tentang apa perkara yang berlaku apabila mereka menimbulkan soal peruntukan yang telah disediakan untuk pembelian kapalterbang TUDM. Mereka ingin tahu di Dewan ini, Ahli Yang Berhormat dari Kinta ingin tahu apakah jenis kapalterbang yang akan dibeli itu seolah-olah perkara ini adalah suatu perkara yang masih belum diketahui umum. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyatakan bahawa TUDM akan membeli kapalterbang jenis Sikorsky dan juga pembelian kapalterbang C-130 sedang berjalan sekarang ini. Jadi adalah hairan, ganjil kalau perkara yang telah diumumkan masih juga digunakan sebagai alat untuk menimbulkan kecurigaan lagi di

dalam Dewan ini. Dan begitu juga Ahli Yang Berhormat seolah-olah telah mengumumkan suatu pendapat yang baru beliau tahu apabila terbaca dalam suratkhabar bahawa AIROD (Aircraft Overhaul Depot) sekarang ini sedang mengadakan kemudahan membaiki-pulih kapalterbang di AIROD TUDM di Subang.

Perkara pembinaan AIROD dan kegiatan ini bukannya perkara yang baru, kerana ini telahpun disebut dan terdapat kalau saya tidak salah di dalam pembentangan perbelanjaan untuk Kementerian ini pada tahun yang telah sudah dan tentang kegiatan yang dijalankan, usaha-usaha yang dijalankan oleh AIROD ini iaitu membaiki-pulih kapalterbang ini dan kenapa ianya tidak boleh membaiki-pulih F-5 seperti kata Ahli Yang Berhormat itu tadi, ini bukanlah perkara yang ganjil. Sedangkan hendak membaiki-pulih kapalterbang yang lain seperti Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menyatakan tadi yang agaknya umurnya telah lanjut, di mana kapalterbang-kapalterbang yang mempunyai injin-injin ataupun jentera-jentera yang telah lama yang sangat-sangat memerlukan pembaikpulihan belum lagi kita berupaya, oleh sebab keadaan tenaga dan kemampuan kita adalah masih terhad sedangkan begini keadaannya. Ahli Yang Berhormat itu telah menimbulkan perasaan kesalnya pula, mengapa pihak TUDM tidak membaiki-pulih kapalterbang jenis F-5 ini. Dalam hal ini, kalau Ahli Yang Berhormat itu tadi rasa kesal, saya juga turut rasa kesal.

Satu perkara lagi apabila Ahli Yang Berhormat dari Kinta dan mungkin rakan-rakannya daripada DAP sedar selepas jawapan saya tentang pembelian kapal ronda laju dahulu bahawa sebenarnya pembelian kapal ronda itu bukannyalah berharga $166 juta seperti perangkaan yang mereka gunakan, tetapi adalah $157 juta, sekarang mereka cuba pula memutar belitkan kononnya ada penyelamatkan kewangan Kerajaan sebanyak $9 juta, kata beliau, oleh kerana sekarang ini pula dengan adanya keselamatan $9 juta wang Kerajaan bermakna, ada orang yang rugi sebanyak $9 juta. Tuan Pengerusi, perkara seperti ini memang biasa dilakukan dimana harga tawaran adalah ditetapkan oleh penender dan setelah sebarang tawaran itu didapati sesuai dan boleh diterima dan keputusannya ditentukan oleh badan-badan teknikal ini, Jawatankuasa Lembaga Tender umpamanya akan membuat penentuan pemilihan yang manakah di antara yang sesuai ini yang boleh dipilih dengan harga yang ditawarkan dan berikutan dengan itu apabila telah ditentukan yang mana satu itu, perundingan diadakan. Dan ini bukan kali yang pertama di mana harga yang telah ditandatangani, harga kontrek, harga muktamad ada lebih rendah daripada harga yang ditawarkan. Kalau sehingga ini perkara seperti ini telah berlaku, tetapi Ahli Yang Berhormat daripada DAP khususnya daripada Kinta ini berdiam diri, kenapa pula penyelamatan wang negara sebanyak $9 juta sekarang ini digunakan sebagai alat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta untuk hujjah beliau mengatakan sekarang ini ada orang yang tidak dapat $9 juta, kerana ini telah merupakan penyelamatan kewangan negara. Dan beliau juga telah cuba meraba-raba lagi, kalau dulunya dua orang pegawai kanan daripada TLDM telah dinamakan sekarang ini ada pula pegawai-pegawai lain yang telah dikaitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Memadailah, Tuan Pengerusi, untuk kita sama-sama memahami apakah tektik-tektik yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta itu seperti yang saya katakan dahulu, kalau setakat hendak menimbulkan persoalan ataupun pertanyaan untuk kebaikan kita semua, saya sanggup tunduk kepada persoalan atau perkara-perkara yang ditimbulkan untuk tujuan itu. Tetapi saya tidak sanggup mendengar dan melayan perkara-perkara yang ditimbulkan hanya untuk hendak menembak di sana, hendak menembak di sini. Syukur Alhamdulillah, Ahli Yang Berhormat dari Kinta itu kali ini cuba menembak-menembak, hanya menembak dengan ertikata peribahasa sahaja.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $910,000,000 untuk Kepala B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak $436,160,030 untuk Kepala P. 28 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Tuan Pengerusi: Sekarang kita beralih pula kepada Kementerian Pelajaran mengenai Kepala B. 29, B. 30 dan Kepala P. 29 dan P. 30. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan peruntukan bagi Kementerian beliau.

Kepala B. 29 dan B. 30 (Jadual)

Kepala P. 29 dan P. 30 (Anggaran Pembangunan, 1977)

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membentangkan Anggaran bagi tahun 1977 di bawah Kepala Bekalan 29 dan 30 serta Kepala Pembangunan 29 dan 30 yang meliputi Anggaran bagi Bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran dan juga bagi Jabatan-jabatan Pelajaran di Sarawak dan Sabah. Dengan ini, Tuan Pengerusi, izinkan saya mencadangkan supaya peruntukan yang berikut diluluskan:

(i) *Anggaran Belanja Mengurus*

Kepala Bekalan 29—Kementerian Pelajaran ...	$1,190,765,000
Kepala Bekalan 30—Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah	$ 205,026,400
Jumlah ...	$1,395,791,400

(ii) *Anggaran Pembangunan*

Kepala Pembangunan 29—Kementerian Pelajaran ...	$ 274,887,574
Kepala Pembangunan 30—Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah	$ 99,265,000
Jumlah ...	$ 374,152,574

Tuan Pengerusi, untuk menyenangkan persembahan, saya akan mengemukakan perbincangan bagi keperluan Kementerian Pelajaran serta Jabatan-jabatan Pelajaran di Sarawak dan Sabah mengikut aktiviti dan akan membincangkan keperluan Anggaran Belanja Mengurus dan keperluan Anggaran Belanja Pembangunan bersama.

Aktiviti Pentadbiran Am

Bagi aktiviti ini peruntukan sebanyak $29,851,000 bagi Belanja Mengurus adalah diperlukan, iaitu $19.89 juta bagi Semenanjung Malaysia dan $9.95 juta bagi Sarawak dan Sabah. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1976 sebanyak $4.58 juta atau 19.14%.

Peruntukan yang bertambah ini ialah bagi membayar gaji kakitangan serta kenaikan gaji biasa tahunan, membayar elaun-elaun dan juga bagi menampung kenaikan harga barang-barang, Perkhidmatan dan Bekalan. Kementerian Pelajaran akan menambahkan jumlah kakitangan-kakitangannya pada tahun 1977, terutamanya di Bahagian Kewangan dan Akaun untuk memperkemaskan lagi sistem pengurusan kewangan Kementerian, Jabatan-Jabatan Pelajaran dan juga semua maktab dan sekolah-sekolah di Malaysia.

Di bawah Aktiviti Pentadbiran Am ini peruntukan yang diperlukan bagi belanja pembangunan ialah sebanyak $1,944,341. Ini ialah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan pentadbiran iaitu bagi membina bangunan tambahan Pejabat Pelajaran di Ipoh dan bangunan baru Pejabat Pelajaran di Melaka, membina Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah di Sarawak, membayar elaun-elaun pegawai-pegawai J.K.R. yang menyelia projek-projek pembangunan Kementerian ini dan juga untuk pembayaran kontrek dan pembelian alat-alat kelengkapan bagi bangunan Pusat Perkembangan Kurikulum (P.P.K.).

Aktiviti Latihan Guru

Bagi aktiviti Latihan Guru, peruntukan Belanja Mengurus yang diperlukan ialah sebanyak $58,976,500 iaitu $47.80 juta bagi Semenanjung Malaysia dan $11.16 juta bagi Sarawak dan Sabah. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1976 sebanyak $18.64 juta ataupun 39.32%.

Pada tahun 1977 Kementerian Pelajaran akan menambah bilangan guru-guru Pelatih Kursus Latihan Sepenuh Masa di 14 buah Maktab-maktab Latihan Guru dan juga di 4 buah Pusat Latihan Guru Sementara yang telah dibuka pada awal tahun ini. Bilangan mereka ini dijangka meningkat kepada 12,682 orang. Sementara itu bilangan guru-guru yang akan diambil mengikut Kursus-kursus Dalam Perkhidmatan pula ialah seramai 43,432 orang.

Kementerian Pelajaran juga akan membuka sebuah Pusat Latihan Guru-guru Ugama dalam tahun 1977 untuk melatih Guru-guru Ugama bagi menampung kekurangan Guru-guru Ugama di Sekolah-sekolah Rendah dan di Sekolah-sekolah Menengah. Buat permulaan pusat ini akan mengambil 417 orang Guru-guru Pelatih untuk mengikuti Kursus Ugama dan Kursus Asas.

Di Sabah pula Guru-guru Pelatih yang mengikuti Kursus Sepenuh Masa dijangka meningkat kepada 1,364 orang; manakala yang mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan pula ialah seramai 4,595 orang. Bagi negeri

Sarawak pula bilangan peserta-peserta Kursus Sepenuh Masa ialah 1,367 orang dan Kursus Dalam Perkhidmatan ialah seramai 772 orang.

Kursus Sains Pertanian bagi Guru-guru Terlatih dan projek-projek Pendidikan Pra Sekolah di bawah UNICEF akan terus dijalankan pada tahun 1977.

Peruntukan tahun 1977 bagi Belanja Pembangunan di Semenanjung Malaysia di bawah aktiviti Latihan Guru ialah berjumlah $15,383,000 iaitu untuk pembinaan empat maktab perguruan baru di Pahang, Kedah, Trengganu dan Perak yang dibiayai di bawah pinjaman ketiga Bank Dunia dan bagi pembinaan bangunan-bangunan tambahan kepada Maktab-maktab Perguruan yang ada. Bagi negeri Sarawak sejumlah $4,110,000 akan dibelanjakan untuk projek-projek tambahan kepada Maktab Perguruan Rejang dan Maktab Perguruan Batu Lintang dan memulakan pembinaan Maktab Perguruan baru di Miri. Bagi negeri Sabah pula sejumlah $600,000 diperlukan bagi pembinaan Maktab Perguruan Sandakan dan bangunan tambahan kepada Maktab Kent, Tuaran dan Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu.

Aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah

Tugas rancangan aktiviti ini ialah untuk mempastikan supaya mutu pelajaran di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah mencapai taraf yang tinggi. Untuk mencapai tujuan inilah pihak Kementerian akan mengadakan berbagai-bagai kemudahan, kelengkapan dan bantuan seperti menyediakan guru-guru terlatih dan berpengalaman yang cukup, kakitangan-kakitangan sekolah yang cukup, kemudahan-kemudahan asrama, alatan dan kelengkapan-kelengkapan mengajar seperti makmal-makmal sains, tambahan sekolah dan bilik-bilik darjah dan lain-lain lagi. Bagi maksud inilah maka Kementerian Pelajaran memerlukan peruntukan Belanja Mengurus sebanyak $1,048,920,900 iaitu $865.54 juta bagi Semenanjung Malaysia dan $183.37 juta bagi Sarawak dan Sabah. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1976 sebanyak $107.61 juta atau 11.43%.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sebahagian besar dari peruntukan yang dinyatakan di atas adalah untuk perbelanjaan membayar gaji guru-guru dan kakitangan sekolah. Bagi Semenanjung Malaysia dari jumlah peruntukan, sebanyak $723.4 juta ialah untuk membayar gaji guru-guru dan kakitangan-kakitangan sekolah dan asrama, $64.4 juta untuk membayar gaji kakitangan-kakitangan pentadbiran di Bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran dan di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan bakinya sebanyak $402.8 juta ialah untuk perbelanjaan pemberian bantuan kepada murid-murid di Sekolah Rendah dan Menengah, Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Sains, Sekolah Menengah Teknik dan Vokesyenal, Sekolah Kanak-kanak Cacat, pemberian kepada Lembaga Pusat dan juga ganjaran kepada guru-guru Rancangan A.M.E.C. (Anglo Malaysian Educational Collaboration).

Kementerian Pelajaran juga akan meneruskan rancangan pinjaman buku-buku teks kepada kanak-kanak sekolah yang ibubapanya berpendapatan rendah. Bagi rancangan ini Kementerian memerlukan peruntukan sebanyak $25.4 juta.

Pada tahun 1977 bilangan murid-murid yang berada di Sekolah Rendah dijangka meningkat seramai 1,623,000 orang di Sekolah Menengah seramai 837,355 orang, di Sekolah Menengah Vokesyenal dan Teknik seramai 15,770 orang dan di Sekolah-sekolah Berasrama Penuh dan Menengah Sains seramai 14,949 orang.

Manakala di Sabah pula bilangan murid di Sekolah Rendah dijangka meningkat kepada 92,545 orang, di Sekolah Menengah seramai 37,254 orang, dan di Sekolah Menengah Vokesyenal seramai 601 orang. Bilangan murid di Sarawak juga akan bertambah dalam tahun 1977 iaitu seramai 130,558 orang di Sekolah Rendah Kerajaan, dan 64,842 orang di Sekolah Rendah Bantuan. Bagi Sekolah Menengah Kerajaan pula bilangan murid akan meningkat kepada 47,142 orang dan di Sekolah Menengah Bantuan bilangannya akan bertambah menjadi 22,129 orang. Bagi Sekolah Vokesyenal pula bilangan muridnya akan meningkat kepada 504 orang.

Kementerian Pelajaran memerlukan sejumlah $116,073,602 bagi Belanja Pembangunan di Semenanjung Malaysia di bawah aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah pada tahun 1977. Bagi negeri Sarawak peruntukan yang dikehendaki untuk aktiviti ini ialah sejumlah $50,082,000 dan bagi negeri Sabah sejumlah $42,412,000. Di bawah aktiviti ini, Kementerian Pelajaran akan membina bilik-bilik darjah baru termasuk gantian sekolah sub-standard di luar bandar, makmal-makmal sains, bengkel-bengkel seni perusahaan dan

rumah-rumah guru dan lain-lain kemudahan untuk menampung penambahan murid-murid tiap-tiap tahun di bidang Pelajaran Rendah dan Menengah. Dalam melaksanakan projek-projek ini, keutamaan akan diberi kepada sekolah di luar bandar. Di samping itu, asrama-asrama baru akan dibina untuk membolehkan rancangan khas diperluaskan. Ini adalah bertujuan untuk memberi peluang murid-murid dari luar bandar untuk mempelajari pelajaran sains dan ilmu hisab dengan lebih sempurna lagi.

Di bidang pelajaran menengah Teknik dan Vokesyenal pula, sebanyak $7,250,000 adalah diperlukan bagi Belanja Pembangunan di Semenanjung Malaysia. Ini ialah untuk menyudahkan dan melengkapkan 4 buah Sekolah Menengah Vokesyenal yang dibiayai di bawah pinjaman kedua Bank Dunia di samping membina bangunan tambahan kepada Sekolah Menengah Vokesyenal yang ada. Bagi negeri Sarawak, sejumlah $1,643,000 akan dibelanjakan untuk menyiapkan Sekolah Menengah Vokesyenal di Miri dan membeli alat kelengkapan bagi Sekolah Menengah Vokesyenal di Sibu. Bagi negeri Sabah pula, sejumlah $4,000,000 diperuntukkan bagi pembinaan 4 buah Sekolah Menengah Vokesyenal di Likas, Sandakan, Tawau dan Keningau.

Aktiviti Pengurusan Peperiksaan

Peruntukan yang diperlukan bagi aktiviti ini ialah sebanyak $9,228,300, iaitu $8.7 juta bagi Semenanjung Malaysia dan $0.528 juta bagi Sabah. Peruntukan ini adalah melebihi peruntukan tahun 1976 sebanyak $1.6 juta atau 22.4%.

Pada tahun 1977 buat pertama kalinya Kementerian Pelajaran akan mengendalikan Peperiksaan S.R.P./L.C.E. bagi calun-calun dari Sarawak.

Jumlah besar calun-calun yang akan menduduki berbagai jenis peperiksaan pada tahun 1977 bagi seluruh Malaysia dijangka akan meningkat kepada 1,166,630 orang.

Aktiviti Pelajaran Menengah Atas/Tinggi

Aktiviti Pelajaran Menengah Atas/Tinggi memerlukan peruntukan Belanja Mengurus sebanyak $196,779,100 dalam tahun 1977 bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan Mengurus Yayasan Pelajaran Tinggi terdiri dari Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Teknoloji Malaysia, Universiti Hospital, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian, Institiut Teknoloji MARA, Politeknik Ungku Omar dan juga Politeknik Kuantan.

Peruntukan Belanja Mengurus ini diperlukan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan bayaran gaji kakitangan dan Pengurusan yang diperlukan oleh Universiti-universiti berkenaan. Jumlah peruntukan yang diperlukan oleh tiap-tiap satu universiti adalah seperti berikut:

Universiti Malaya	...	$43.53 juta
Hospital Universiti	...	$22.43 juta
Universiti Teknoloji Malaysia		$15.80 juta
Universiti Kebangsaan	...	$32.20 juta
Universiti Sains Malaysia	...	$22.30 juta
Universiti Pertanian	...	$22.80 juta
Institiut Teknoloji MARA		$34.80 juta
Politeknik Ungku Omar	...	$ 2.45 juta
Politeknik Kuantan	...	$457,500

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Bagi Belanja Pembangunan, University Malaya memerlukan sebanyak $6,802,000 pada tahun 1977 bagi meneruskan projek penubuhan Kursus Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan, Pusat Bahasa dan Pusat Komputer. Universiti Kebangsaan memerlukan sejumlah $62,987,821 pada tahun 1977 bagi meneruskan projeknya di Bangi dan projek Fakulti Perubatan. Universiti Sains memerlukan sejumlah $16,508,810 bagi projek-projek di bawah Geran Persekutuan seperti Desasiswa II, membina jalan dan lain-lain kemudahan infrastruktur dan juga meneruskan projek-projek yang dibiayai di bawah Pinjaman Bank Dunia seperti pembinaan bangunan Balai Sains Gunaan, Dewan Kuliah, Desasiswa III dan Perpustakaan. Universiti Pertanian memerlukan peruntukan sebanyak $20,711,000 bagi tahun 1977 bagi projek-projek seperti Kampus Cawangan Sementara Sarawak, Asrama-asrama, Fakulti Perikanan dan Sains Samudra dan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Peruntukan yang diperlukan bagi Universiti Teknoloji pada tahun 1977 ialah sebanyak $11,650,000 bagi pembinaan asrama-asrama, perpustakaan, dewan kuliah, Fakulti Kejuruteraan dan kerja-kerja awal

tapak baru di Johor Bahru. Projek-projek ini adalah untuk menampung keperluan-keperluan mahasiswa yang kian bertambah pada tahun 1977.

Pada tahun 1977 Kementerian Pelajaran memerlukan sejumlah $19,258,000 bagi Institiut Teknoloji MARA iaitu untuk meneruskan projek-projeknya di Shah Alam dan Kampus-kampus Cawangan di Perlis dan Trengganu.

Sejumlah $3,930,000 adalah juga diperlukan di bawah Belanja Pembangunan pada tahun 1977 bagi meneruskan projek membina Politeknik baru di Kuantan dan juga meneruskan projek bengkel kejuruteraan laut serta pembelian alat-alat kelengkapan bagi Politeknik Ungku Omar, di Ipoh.

Aktiviti Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri

Kementerian Pelajaran sentiasa memberi perhatian yang utama terhadap Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri dengan mengadakan Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia, asrama-asrama dan memberi bantuan kewangan kepada Pusat-pusat Penuntut. Selain dari itu Perkhidmatan Pegawai-pegawai Kebajikan juga diadakan untuk membantu penuntut di dalam berbagai masaalah yang mungkin mereka hadapi semasa berada di seberang laut.

Peruntukan yang diperlukan bagi aktiviti ini ialah sebanyak $5.47 juta. Jumlah ini diperlukan bagi membiayai Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di Luar Negeri iaitu di United Kingdom, Australia, Indonesia, New Zealand, India dan Amerika Syarikat. Peruntukan ini juga digunakan untuk membiayai asrama-asrama dan Pusat-pusat Penuntut di negeri-negeri berkenaan. Peruntukan yang lebih diperlukan oleh kerana bertambahnya bilangan Pusat-pusat Penuntut yang mana dijangka akan meningkat kepada 40 buah dalam tahun 1977.

Bagi Belanja Pembangunan sejumlah $1,200,000 diperlukan pada tahun 1977 bagi memperbaiki Malaysia Hall, London dan bagi pembinaan asrama Puteri di Kaherah.

Aktiviti Biasiswa/Dermasiswa/Hadiah Bantuan Latihan

Peruntukan yang diperlukan di bawah aktiviti ini bagi tahun 1977 ialah sebanyak $36 juta. Peruntukan ini adalah lebih besar jumlahnya dari peruntukan tahun 1976 disebabkan kadar biasiswa telah naik dan juga bilangan penuntut-penuntut yang layak diberi biasiswa telah bertambah oleh kerana lebih ramai penuntut yang telah lulus di dalam Peperiksaan M.C.E./S.P.M. dan H.S.C./S.T.P. Pada tahun 1977 Kementerian Pelajaran dijangka akan memberi sebanyak 87,992 biasiswa dan hadiah bantuan kepada penuntut-penuntut di dalam berbagai-bagai peringkat pengajian.

Aktiviti Perkhidmatan Awam dan Pelajaran Daerah

Aktiviti Perkhidmatan Awam dan Pelajaran Daerah memerlukan peruntukan sebanyak $10.57 juta. Aktiviti ini mempunyai dua tugas rancangan iaitu tugas Rancangan Perkhidmatan Awam dan tugas Rancangan Pelajaran Daerah. Peruntukan bagi Rancangan Perkhidmatan Awam adalah diperlukan untuk memberi bantuan kepada Badan-badan dan Persatuan-persatuan yang kegiatannya mempunyai kaitan dengan pelajaran. Bagi peruntukan Pelajaran Daerah pula peruntukannya adalah digunakan untuk memberi sumbangan berbentuk caruman kepada Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa dan serantau yang mana Malaysia menjadi salah sebuah negara ahli pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Akhir sekali sejumlah $500,000 adalah diperlukan bagi Belanja Pembangunan untuk projek bangunan percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Pengerusi, pecahan peruntukan yang diperlukan ada diperincikan dalam Buku Anggaran yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 40 Tahun 1976.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

6.08 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong perbekalan Kementerian Pelajaran bagi tahun 1977 akan datang dan dalam perbahasan ini, saya mohon izin hendak menyentuh satu dua perkara.

Yang pertama ialah di bawah Kepala P. 29, Pecahan-kepala (8) Rumah-rumah Guru di Luar Bandar. Seperti yang kita maklum bahawa seseorang guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah luar bandar bukan sahaja menjadi pendidik kepada anak-anak di sekolahnya bahkan juga sebagai pemimpin

kepada masyarakat di tempat guru itu bertugas. Apabila seseorang guru berkhidmat di kawasan luar bandar dapat tinggal di kawasan sekolahnya sendiri, sudah tentulah guru yang berkenaan itu mempunyai kesempatan yang baik untuk bergaul dengan lebih rapat dengan ibubapa kanak-kanak dan masyarakat di tempat itu sendiri untuk mendapatkan tenaga dan kerjasama setempat bagi kemajuan pelajar yang lebih baik di sekolahnya, di samping itu dapat pula guru-guru berkenaan menyumbangkan khidmatnya kepada masyarakat di dalam lain-lain bidang seperti gerakan belia, pertubuhan koperasi, badan-badan kebajikan dan sebagainya. Dengan ini saya mengalu-alukan akan langkah Kerajaan mengadakan rumah-rumah guru di luar bandar dengan peruntukan sebanyak lebih daripada $3.5 juta bagi tahun 1977 yang akan datang. Apa yang saya harapkan, Tuan Pengerusi, supaya rumah-rumah guru di kawasan luar bandar yang akan didirikan kelak hendaklah lebih dahulu didirikan sekolah-sekolah yang kedudukannya agak di pendalaman. Ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada guru-guru berkenaan memajukan lagi pelajaran di sekolahnya, bahkan juga seperti mana yang saya katakan tadi dapat pula guru-guru yang berkenaan itu menyumbangkan khidmatnya kepada masyarakat setempat.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan kemajuan pelajaran sekolah-sekolah di kawasan luar bandar juga, saya berharap Kementerian Pelajaran supaya menentukan dengan sebaik-baiknya bahawa tiap-tiap sekolah di luar bandar mendapat kemudahan dan peralatan yang sempurna dan secukupnya terutama sekali kakitangan-kakitangan yang cukup seperti di sekolah-sekolah dalam bandar juga. Saya berharap benar-benar kepada Kementerian yang berkenaan menentukan perkara ini dengan sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi, berikutnya saya ingin pula hendak menyentuh sedikit di bawah Kepala P. 29, Pecahan-kepala 9—Asrama yang diuntukkan sebanyak $6,177,000. Dalam perkara asrama-asrama sekolah, ingin saya hendak menarik perhatian Kementerian Pelajaran bersabit dengan kedudukan kampung-kampung di kawasan luar bandar dengan sekolah menengah. Sesungguhnya ada setengah-setengah kampung dengan sekolah-sekolah menengah sangatlah jauh, bukan 5 atau 6 batu, bahkan lebih daripada 10 batu. Sudahlah kanak-kanak itu tinggal jauh dari sekolah, pada setengah-setengah tempat pula tidak ada kemudahan pengangkutan disebabkan tidak ada jalanraya yang baik. Inilah barangkali di antara sebab kanak-kanak di luar bandar lebih banyak tercicir daripada kanak-kanak di dalam bandar dan inilah juga barangkali sebab-sebab maka kanak-kanak di luar bandar tidak dapat meneruskan pelajaran mereka dan terpaksa berhenti separuh jalan dan mungkin juga ini di antara sebab kemunduran pelajaran anak-anak kita di kawasan luar bandar. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya mendirikan bangunan-bangunan asrama atau menambahkan dengan lebih banyak lagi bilek-bilek asrama yang sedia ada di sekolah-sekolah menengah di kawasan luar bandar untuk menampung kanak-kanak yang tinggal jauh daripada sekolahnya masing-masing. Pada hemat saya ada setengah ibubapa di luar bandar adalah bersedia membayar sedikit sebanyak bayaran makan minum untuk anak-anak mereka yang tinggal di asrama sekolahnya atas sebab anak-anak itu tidak ada upaya hendak berulang-alik ke sekolah pada tiap-tiap hari, kerana kedudukan sekolahnya sangat jauh daripada kampungnya sendiri, tambahan pula kedudukan kesukaran perhubungan jalanraya dan sebagainya. Saya berharap perkara ini mendapatkan perhatian daripada Kementerian Pelajaran kita.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang hendak saya sentuh sedikit ialah di bawah Kepala B. 29, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (9)—Sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah memberikan peruntukan yang lebih banyak kepada subject ini bagi tahun 1977 yang akan datang. Mungkin tambahan peruntukan ini kerana bertambahnya bilangan Sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat dalam negara ini yang akan mendapat bantuan ataupun dengan sebab bertambahnya bilangan murid-murid Sekolah Ugama Islam Rakyat yang telah menerima bantuan pada masa yang lalu. Apa yang saya harapkan ialah dua perkara. Pertama, saya harap pihak Kementerian Pelajaran memberikan bantuan kepada tiap-tiap Sekolah Ugama Islam Rakyat dalam negeri ini jika ada setengah-setengah Sekolah yang belum mendapat bantuan disebabkan tidak cukup syarat umpamanya, saya harap Kementerian Pelajaran menjalankan langkah-langkah yang sesuai untuk memandu sekolah-sekolah itu memenuhi syarat-syarat yang diperlukan

untuk membolehkan sekolah yang berkenaan itu mendapat bantuan daripada Kementerian Pelajaran pada tiap-tiap tahun.

Harapan saya yang kedua ialah saya berharap Kementerian Pelajaran dapat menambahkan lagi kadar bantuan kepada seseorang murid pada tiap-tiap kelas atau peringkat bantuan yang diberikan kepada Sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat pada masa ini, kerana kadar bantuan yang diberikan pada tiap-tiap tahun pada masa ini adalah kadar yang telah dibuat beberapa belas tahun dahulu, sedangkan pada masa ini belanja hidup telahpun meningkat dengan tingginya sekarang. Dengan sebab itu, saya berharap Kementerian Pelajaran menimbangkan semula akan bantuan kepada Sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat dinaikkan kepada suatu kadar yang berpatutan dan sesuai dengan keadaan pada masa ini. Dengan ini dapatlah sekolah-sekolah tersebut memberikan khidmat yang lebih baik kepada muridnya untuk mendidik mereka menjadi anggota masyarakat yang berguna pada masa yang akan datang. Langkah mempertinggikan mutu didikan Sekolah Ugama Islam Rakyat, saya fikir sangatlah berkesan sekali, usaha Kerajaan menjadikan jenerasi kita yang akan datang sebagai rakyat yang berakhlak mulia, berdisiplin serta berpegang teguh dengan ajaran ugama dan sangatlah juga berkesan, rasa saya dalam usaha Kerajaan bagi memerangi anasir-anasir jahat yang tidak sihat dalam negara kita pada masa yang akan datang.

6.17 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Selayang): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kepala B. 29, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, Kementerian Pelajaran.

Kita semua sedar bahawa bilangan murid bertambah tiap-tiap tahun dan kita faham dan bersimpati dengan Kerajaan kerana tidak kira berapa banyak bangunan dan sambungan-sambungan bangunan untuk sekolah-sekolah yang diluluskan tiap-tiap tahun, namun masih terdapat kekurangan bilek-bilek darjah. Kekurangan bilek-bilek darjah ini mungkin dapat diatasi dengan mengadakan kelas-kelas pagi dan petang. Tetapi apabila sekolah-sekolah yang agak hendak runtuh, perkara ini hendaklah diberikan perhatian. Bangunan-bangunan seumpama itu bukan hanya membahayakan nyawa pelajar-pelajar, tetapi ia juga merupakan pandangan yang tidak sihat kepada negara.

Di sini, saya suka membuktikan dengan khusus kepada sebuah sekolah yang terletak di Kuang, Rawang. Sekolah ini ialah Sekolah Jenis Kebangsaan (China) Kuang dan ia adalah sebuah sekolah kecil dengan empat buah bilek darjah untuk menampung sebilangan besar murid. Tandas-tandasnya kotor tanpa berair dan penuh dengan ulat. Perabut-perabutnya telah banyak rosak dan binasa, tetapi murid-murid terus juga belajar seperti biasa dengan harapan Guru Besar mereka akan merayu untuk mendapatkan bantuan yang lebih yang mungkin diluluskan segera oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Begitu juga dengan beberapa contoh yang lain di mana Sekolah-sekolah Tamil di beberapa buah kampung-kampung kecil dan Sekolah-sekolah Kebangsaan di kawasan-kawasan luar bandar. Sekolah-sekolah yang tersebut memerlukan pembaharuan yang amat mendesak. Rancangan Malaysia Ketiga menggalakkan penduduk-penduduk kampung supaya jangan berhijrah ke bandar-bandar yang telah penuh sesak di mana peluang-peluang pekerjaan amat tipis sekali. Dalam hubungan ini apa yang saya rasakan peluang-peluang yang lebih banyak mestilah diberikan kepada kampung dan kampung-kampung baru terutama sekali dalam bidang pelajaran. Saya harap Kementerian Pelajaran akan dapat menimbangkan problem yang mendesak ini, kerana murid-murid dan para belia seluruhnya memainkan peranan yang penting untuk masa hadapan negara.

6.20 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan Bekalan 29—Kementerian Pelajaran saya menyentuh Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2)—Latihan Guru. Saya rasa latihan guru yang dibuat di maktab perguruan sangatlah memuaskan di dalam aliran sains, hisab, vocational begitu juga lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya suka memberi pandangan, selain daripada matapelajaran itu patutlah juga kita ajarkan nyanyian kepada guru-guru di maktab-maktab tersebut, kerana kita . . . . . .

Tuan Pengerusi: Yang hendak menyanyi itu siapa—guru-gurukah?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Ya. Kita tahu, Tuan Pengerusi, di dalam zaman pemerintahan Jepun anak-anak di bangku sekolah selain daripada menuntut pelajaran akademik, pelajaran kerja tangan, memasak dan lain-lain ditanamkan semangat kasih-sayang kepada tanahair melalui nyanyian. Di dalam nyanyian tadi di susun senikata begitu rupa supaya sayang kepada ibubapa, guru dan negara. Ini patutlah dibuat dalam sekolah rendah kerana kanak-kanak yang kecil itulah harus ditanamkan semangat begitu rupa supaya mereka sayang kepada negara tempat lahirnya. Senikata nyanyian dan lagu patutlah diselaraskan di semua sekolah, katalah, nyanyian berkenaan semangat cintakan tanahair, berkenaan pertanian yang di sekeliling, berkenaan hari kebangsaan dan lain-lain senikata yang sungguh-sungguh menggambarkan kecantikan kebudayaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, menyentuh Pecahan-kepala yang sama dalam Aktiviti (6)—Kebajikan Penuntut-penuntut di luar Negeri. Saya sungguh berasa gembira di atas penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran iaitu kebajikan penuntut-penuntut di luar negeri. Di samping itu sukalah saya juga meminta kedutaan kita di luar negeri di mana penuntut kita berada sekali sekala jemputlah mereka itu ke jamuan makan dan beri penerangan tujuan mereka di hantar ke sana dan diberi perangsang supaya apabila mereka balik akan memberi khidmat kepada negara supaya tidaklah mereka di sana rasa kesunyian. Jadi mereka sebagai penuntut yang meninggalkan rumahtangga dan ibubapa apabila kedutaan jemput mereka ke jamuan makan mereka akan merasa seolah-olah berada di samping ibubapa yang kadang-kadang memberi nasihat dan tunjuk ajar dan penuntut itu tidaklah berjalan ke sana sini mengambil peluang dan di sinilah mungkin anasir yang tidak bertanggung-jawab akan memberikan gambaran yang kita tidak ingini.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh Kepala 4100 muka surat 206, Aktiviti (1) Rancangan Amalan Makanan dan Nilai Pemakanan. Rancangan ini sangatlah baik dan patutlah Kementerian Pelajaran memulakan di sekolah rendah kerana dari kanak-kanak lagi kita mulakan amalan ini untuk memberi makanan yang berzat dan untuk menjaga kesihatan mereka. Jadi kita tahu otak yang cergas akan terbit dari badan yang sihat.

Satu perkara lagi saya suka menyentuh muka surat 209, Kepala P. 29 Pecahan-kepala 9—Asrama. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri ada tiga buah sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Menengah Khir Johari, Sekolah Menengah Ibrahim dan Sekolah Menengah Cik Tom. Di Sekolah Menengah Khir Johari ada asrama untuk lelaki dan perempuan dan di sekolah Menengah Cik Tom iaitu Sekolah Menengah Vocational hanya untuk perempuan sahaja ditempatkan di situ. Bagi sekolah Menengah Ibrahim pula asrama itu hanya untuk lelaki. Jadi murid perempuan tak ada tempat. Banyaklah murid perempuan dari luar bandar seperti Baling, Yen dan juga tempat-tempat yang jauh dari Sungai Petani terpaksa belajar di sekolah yang saya sebutkan tadi mengikut aliran sains dalam Tingkatan VI, mereka itu tak ada tempat. Saya harap Kementerian Pelajaran akan menampung atau menambah lagi bilangan asrama kepada Sekolah Menengah Ibrahim supaya murid perempuan akan ditempatkan di situ.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada bangunan-bangunan sekolah, saya nampak ada sebuah sekolah di Rantau Panjang, Kota Kuala Muda sangatlah dhaif kedudukannya. Sekolah ini dibuat sejak zaman penjajah dahulu, bilik darjahpun tidak mencukupi. Kalau di masa banjir atau di musim hujan di sekolah bawah sekolah itu tidak dapat digunakan dan kanak-kanak terpaksalah dipindahkan ke tempat yang berdekatan. Di dalam mesyuarat tindakan daerah, saya telah kemukakan perkara ini dan Pengelola Pelajaran di situ telahpun hantar surat kepada Jabatan Pelajaran Negeri Kedah supaya diberi keutamaan kepada sekolah rendah itu. Jadi, saya harap pihak Timbalan Menteri akan mengambil perhatian termasuk sekolah perempuan iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Petani yang mana Timbalan Menteri sendiri telah melawatnya dan membuat suatu janji akan menambah bangunan rendah ke bangunan yang besar, kerana bangunan itu sudah lama.

Sekianlah sahaja, saya harap ucapan saya ini akan dapat perhatian Timbalan Menteri yang berkenaan.

6.37 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran berjumlah $1,769,943,974. Kalau kita perhatikan

Kementerian inilah yang mendapat peruntukan paling besar dalam Kementerian-kementerian Kerajaan kita. Ini adalah bukti bagaimana beratnya pandangan Kerajaan terhadap pelajaran kerana pelajaran adalah satu aspek pelaburan modal yang paling berfaedah dan paling menguntungkan.

Saya hendak bercakap mengenai Kepala B. 29, muka surat 205 Pecahan-kepala 2900 Perkhidmatan Iktisas dan lain-lain Perkhidmatan yang dibeli dan Hospitaliti iaitu mengenai pertukaran guru-guru. Pertukaran guru-guru satu issue yang tidak jemu-jemu diperkatakan oleh guru-guru; setiap menjelang akhir tahun perkara pertukaran guru-guru ini dibangkitkan dan dicakapkan di sana sini, rasa tidak puas hati terhadap pertukaran yang dibuat dicakapkan di mana-mana, terutama di sekolah-sekolah. Timbul tuduhan tak adil, pilih kasih, pandang bulu dan macam-macam lagi terhadap pihak yang berkenaan. Dan bagi pihak Kementerian, saya rasa perkara untuk hendak menjalankan satu cara yang paling adil dalam pertukaran guru-guru ini adalah satu perkara yang boleh saya katakan mustahil, kerana kalau kita perhatikan dalam bandar-bandar besar terutama di Kuala Lumpur ini sekolah-sekolah dalam bandar ini kebanyakannya terdiri daripada guru-guru perempuan. Kalau 30 orang guru di sebuah sekolah itu, 25 ialah terdiri daripada guru-guru perempuan.

Kita boleh pergi, kita boleh check tengok samada betul atau tidak cakap saya ini dan kalau kita siasat, siapa dia guru-guru perempuan ini. Tanya cikgu Halima siapa dia: saya isteri DO; yang ini: isteri orang ini, semua orang berpangkat besar. Jika kita hendak salahkan pegawai-pegawai yang berkenaan di Kementerian Pelajaran pun tak patut, sebab isteri pegawai dan pegawai itu lebih berkuasa daripada pegawai pejabat Pelajaran. Kalau dia tak menurut kehendak pegawai itu, alamatlah keadaan periok nasinya akan senget, tumpah dan sebagainya. Inilah masa-alahnya. Ini patut saya cakap, atas perkara ini dan tempat yang paling sesuai ialah dalam Dewan ini; bagaimana kita hendak atasi perkara penempatan guru-guru yang terdiri daripada isteri-isteri pegawai-pegawai tinggi Kerajaan; mengapa mereka ini setelah suaminya mendapat tempat duduk yang baik, isterinya pun mesti mendapat tempat yang baik. Pada hal tugas dan tanggungjawab isteri pegawai-pegawai itu adalah sama dengan guru-guru lain, mengapa mereka ini harus mendapat keistimewaan. Ini yang menjadi rasa tidak puas hati. Ini yang selalu dikeluhkan oleh kebanyakan guru-guru. Ada guru-guru yang dihantar ke Lahar Yooi, nama tempatnya, ke Cerok Tok Kun, 15 tahun terbenam dalam selut, tak balek-balek, tak siapa jenguk. Jadi bila perasaan sudah frust, tuan-tuan boleh tahu adakah lagi semangat kita hendak berkhidmat, hendak beri sepenuh tenaga, didikasi dan sebagainya. Tak usah kita panggil malaikat nasihat dia untuk beri sepenuh tenaga pun susah, sebab dia nampak perlakuan yang tidak adil sentiasa berjalan tak habis-habis dari setahun ke setahun.

Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, saya cadangkan Kementerian ini patut menubuhkan satu yunit khas mengkaji bagaimana dapat kita cari jalan yang paling prektikal dan kita fikir paling adil dapat kita buat untuk menempatkan guru-guru ini di sekolah-sekolah yang sesuai. Misalnya, kita adakan giliran seorang guru itu mesti sekurang-kurangnya bertugas di luar bandar 5 tahun, selepas lima tahun kita ubah dia. Kalau ada giliran begini, saya fikir tidak ada guru yang akan memberontak menyatakan keluhan di sana sini. Seperti yang saya katakan tadi kalau dihantar ke Ulu Tembeling, di sanalah dia sampai mati berkubur di Ulu Tembeling, tak sesiapa jenguk, pelawat pun tak pergi tenguk, Nadzirnya jauh sekali susah hendak pergi, kena naik bot dan sebagainya, seolah-olah guru-guru tadi ini dibuang daerah; bukan sahaja penjahat-penjahat dibuang daerah, guru-guru pun dibuang daerah, tak dipedulikan langsung. Inilah saya katakan tadi patut Kementerian ini mengkaji kemungkinan kita melantik satu Yunit Khas Jawatankuasa untuk mengkaji bagaimana cara-caranya paling prektikal yang boleh kita buat untuk menempatkan guru-guru ini secara adil di tempat-tempat pendalaman. Saya fikir guru-guru yang baru keluar daripada latihan itu patut kita tempatkan di pendalaman, sebab mereka ini belum ada tanggungan, belum ada anak-pinak. Bila sudah mengajar sampai 10 tahun, bila sudah berumah tangga dan mempunyai anak-anak, guru itu pun ada perasaan mahukan anaknya belajar di sekolah-sekolah yang lebih baik, dia pun hendak jaga masa hadapan anaknya. Jadi patutlah diberi tempat yang paling sesuai supaya anak-anaknya juga mendapat kemudahan pelajaran yang baik.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala B. 29 muka surat 206, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti 3 (*g*) Rancangan Buku-buku Teks. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian ini yang telah memperuntukkan perbelanjaan sejumlah $25,450,000 untuk menjalankan rancangan bantuan buku-buku teks kepada anak-anak mereka yang berpendapat rendah dan ini adalah satu langkah yang paling baik dan mendapat sambutan hangat di kampung-kampung. Buku-buku teks biasanya menjadi masaalah besar kepada ibubapa yang berpendapat rendah, tetapi sekarang masaalah itu tidak timbul lagi. Perkara yang hendak saya timbulkan ialah masaalah bahawa buku-buku teks ini dikeluarkan kebanyakkannya oleh satu ajensi Kerajaan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka. Pembahagian buku-buku teks ini kepada anak-anak orang yang berpendapat rendah—cukup tahun, buku ini tiba. Yang menjadi masaalah, ialah anak-anak orang yang berpendapat tinggi dan mampu hendak bayar. Kita susah hendak dapat buku-buku teks ini. Saya sendiri mengalami perkara ini. Sudah dua bulan sekolah bermula, masih ada buku-buku yang saya cari tak ada, tak jumpa di kedai. Bila kita pergi ke pengedar yang berkenaan katanya belum sampai, sedang dicap, sedang dicetak dan sebagainya. Jadi bagaimana cara kita hendak mengatasi masaalah ini. Bagi anak-anak orang yang mampu ini ketinggalan pelajaran, sebab dia tak dapat mengikuti pelajaran yang diajar, kerana tak ada buku-buku teks, bukan dia tak mahu beli, tak ada buku. Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, saya cadangkan supaya Kerajaan mencari jalan membekalkan buku-buku teks ini kepada semua murid dan murid yang ibubapanya mampu, minta bayaran. Kalau dibuat begitu maka masaalah penerimaan buku teks yang tak sama itu tak timbul lagi. Jadi serentak murid-murid itu terima, tak kira dia mampu atau tidak mampu terima buku teks, yang mampu kita minta bayaran; yang tak mampu itu dipercumakan sahaja. Saya fikir dengan cara itu masaalah buku-buku teks ini tidak akan timbul lagi.

Perkara yang ketiga mengenai Kepala P. 29, muka surat 208 Pecahan-kepala 1 dan 2—Pelajaran Rendah dan Menengah. Masaalah ini selalu saya bercakap dalam Dewan ini, kalau tak silap empat lima kali iaitu mengenai empat buah sekolah dalam kawasan saya yang terlibat dengan pembangunan pembesaran lapanganterbang. Bila saya kemukakan perkara ini kepada Kementerian Pelajaran, katanya akan diambil tindakan segera, tetapi sampai hari ini, saya tak ada nampak langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk membina semula atau memindahkan bangunan yang ada di tepi lapanganterbang Pulau Pinang itu, ke tempat yang sudah ditetapkan, belum ada kerja-kerja yang berjalan.

Kita tahu hendak membangunkan sekolah bukan seperti buat pondok, dia memakan masa sekurang-kurangnya dua tahun dan masaalahnya lagi di tempat pemindahan yang dicadangkan itu ada terdapat lebih kurang 20 setinggan di situ dan hendak dipindahkan setinggan itu, saya fikir kurang-kurang memakan masa setahun. Sebab saya alami sendiri perkara ini semasa Kerajaan hendak pindah setinggan-setinggan yang duduk di tepi lapanganterbang terpaksa kena bawa Reserve Yunit, baharu mereka ini mahu pindah. Ini masaalahnya. Jadi kalau daripada sekarang tak dimulakan sampai bilakah sekolah yang hendak dipindah itu akan siap. Ini yang membimbangkan ibubapa, kerana mereka bimbang masa hadapan pelajaran anak-anak mereka akan terganggu. Tuan-tuan boleh pergi duduk di lapanganterbang Subang, kalau jumbo jet turun, 5 minit tuan-tuan tak boleh buat apa-apa. Bising dengan dengung kepalterbang tadi, tak boleh buat apa-apa. Lapanganterbang Bayan Lepas ini sekolahnya boleh dikatakan tak lebih daripada 10 ela daripada lapanganterbang ini—tempat kapalterbang mendarat. Taxiway 10 ela sahaja dengan sekolah dan baru-baru ini saya dapat tahu pihak J.K.R. hendak pindahkan Makmal Sains itu sebab terlibat dengan jalan masuk ke lapanganterbang yang baharu. Jadi sampai bila pihak Kementerian akan memulakan tugas ini. Saya ambil kesempatan dalam Dewan ini menyeru pihak yang berkenaan supaya menyegerakan, membangun atau mendirikan bangunan ganti untuk Sekolah Menengah Raja Tun Uda, Sekolah Jenis Inggeris Bayan Lepas, Sekolah Rendah Chong Shan dan Sekolah Kebangsaan P. Damar Laut itu seberapa segera yang dapat, sebab ia melibatkan lebih kurang 4,000 murid dan saya harap kalau Timbalan Menteri ada masa lapang mari kita pergi tengok, saya sedia tunggu, tengok bagaimana keadaan suasana tidak tenteram yang dihadapi oleh kedua-dua buah sekolah ini.

Dan yang akhirnya, Tuan Pengerusi, Kepala P. 29, muka surat 209, Pecahan-kepala 21—Institiut Teknoloji MARA.

Tuan Pengerusi, kita telah alami satu peristiwa sedih pada penghujung tahun 1974 dan awal tahun 1975 mengenai tunjuk-tunjuk perasaan oleh penuntut-penuntut Institiut Teknoloji MARA. Pada masa itu dan pada ketika itu anasir-anasir yang tidak kita ingini telah menghasut telah menggunakan penuntut-penuntut I.T.M. ini untuk tujuan kepuasan nafsu jahat mereka. Mereka menggunakannya berbagai-bagai tektik, berbagai-bagai Badan dalam I.T.M. tadi untuk menarik pelajar-pelajar menyertai tunjuk-tunjuk perasaan dan sebagainya. Mereka membakar semangat pelajar-pelajar tadi supaya menentang pihak yang berkenaan. Sebagaimana yang kita maklum, pelajar-pelajar itu adalah terdiri daripada pemuda-pemuda yang kita panggil the angry young men yang sentiasa semangatnya itu dalam keadaan marah apabila dibakar, tentulah kemarahan itu akan meningkat, jadi ramai pelajar-pelajar tadi yang terlibat samada secara langsung, secara sedar atau tidak sedar terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini dan akibatnya ada di antara mereka yang dibuang daripada I.T.M. Siapa pun tidak menyalahkan pihak yang berkuasa membuang pelajar-pelajar yang berkenaan, kerana mereka terlibat dengan kesalahan agak berat. Bagi pihak ibubapa pun tidak sekali-kali menentang atas pembuangan itu. Tetapi kebanyakan penuntut-penuntut itu, pelajar-pelajar yang telah dibuang itu hari ini sudah sedar bahawa mereka silap jalan, mereka telah dipergunakan dan diperalatkan oleh satu pihak tertentu, apa yang paling sedih, Tuan Pengerusi, ada di antara pelajar-pelajar itu sedang berada di tahun 3, tahun akhir, cuma hendak tunggu periksa dan hendak dapat Sijil sahaja. Sudah beratus ringgit ibubapa pelajar-pelajar yang berkenaan tadi membelanjakan untuk anak mereka untuk hendak sampai ke Institiut Teknoloji MARA itu dengan harapan bila anak dia tamat, bolehlah dia rasa jasa anak-anaknya tadi, ada yang sampai bergadai, dan yang paling sedih, saya dapat satu aduan ibubapa itu ada 10 orang anak. Anak dia yang ada di ITM dua orang. Oleh sebab dia nampak harapan anaknya di ITM sangat cemerlang, sangat cerah, maka dia sanggup anak-anaknya yang 8 orang tadi belajar setakat sekolah rendah, lepas itu jangan belajar lagi—berhenti—sebab hendak tumpukan kewangannya kepada dua orang ini. Tiba-tiba sampai di tengah jalan, dua orang tadi dibuang. Patahlah dahan tempat bergantung. Putus harapan, gelaplah bintang harapannya.

Dalam hubungan ini, saya merayu supaya pihak yang berkuasa, pihak Kerajaan dapat menimbangkan semula, menerima balik pelajar-pelajar ini belajar meneruskan pelajaran mereka untuk masa depan mereka. Bukan untuk diri mereka sahaja, untuk adik-adiknya yang terpaksa berkorban, terpaksa meninggalkan bangku sekolah semasa umurnya 12 tahun untuk memberi peluang, memberi jalan kepada abangnya mendapat satu harapan, satu kejayaan dan kemudiannya mereka berharap abang-abang inilah yang akan menolong mereka kemudian kelak. Jadi sekali lagi saya membuat rayuan kepada pihak Kementerian supaya menimbangkan kemungkinan menerima kembali pelajar-pelajar yang telah dibuang itu. Dalam hubungan ini, saya juga tidak setuju kita menerima mereka dengan bulat-bulat—saya tidak setuju. Kita adakan syarat-syarat yang khas, hendak masuk begini syarat-syarat, silap, melanggar syarat ini—buang sahaja, beri amaran keras; minta jaminan yang kuat daripada pihak ibubapa dan waris-waris. Sekiranya pihak Kementerian dapat menimbangkan, saya fikir ini adalah satu langkah yang paling baik, hukuman gantung yang sudah dijatuhkan kepada pesalah oleh Hakim itu pun ada tempat kita mengadu dan pernah berlaku orang yang hendak dihukum gantung itu terlepas, bebas—inikan pula hukuman buang, saya fikir bolehlah kita cari jalan, beri peluang, beri peluang kepada mereka supaya mencuba dan mendapat nikmat hidup pada masa akan datang. Demi masa depan penuntut-penuntut itu dan demi harapan ibubapa yang telah meletakkan sepenuhnya kepada anak itu, maka saya harap pihak Kementerian akan menimbangkan dengan teliti, dengan adil permintaan saya ini.

6.48 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pelajaran. Disamping memberikan sokongan, ingin saya memberikan beberapa pendapat yang perlu dipertimbangkan, yang perlu dikaji semoga beberapa pihak yang terlibat dapat memuaskan hati mereka.

Di sini saya menyentuh B. 29, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3). Cara pendidikan untuk kanak-kanak yang belum bersekolah

terutama di luar-luar bandar supaya keadaan pelajaran dapat diikuti dengan baik manakala anak-anak itu masuk sekolah nanti. Oleh itu sampailah masanya Kementerian Pelajaran menyusun dan memilih mana-mana sekolah yang muridnya ramai yang telah didaftarkan dari tahun ke tahun itu dapat diadakan satu pelajaran yakni pra-sekolah. Mengikut ukuran atau penilaian yang ada sekarang, kanak-kanak di luar bandar yang tidak ada pra-sekolah yakni ibubapa yang tidak mampu untuk mengadakan pelajaran ini, biasanya kemajuan pelajarannya pada akhir-akhir tahun tidaklah begitu baik berbanding dengan kanak-kanak di bandar yang ada mempunyai kelas-kelas pra-sekolah.

Di samping itu dapat pula dibuat kajian semula kepada bilangan murid-murid pada tiap-tiap aliran yang mana pada masa ini terutama sekali di sekolah-sekolah rendah pada mana-mana sekolah pun biasanya bilangan murid-murid pada satu darjah itu adalah terlalu besar sehingga sampai 50 orang satu kelas, jadi di manakah cara guru itu menyampaikan pendidikannya atau pengajarannya, kerana bilangan yang ramai maklumlah sekolah-sekolah di luar bandar, ibubapanya kebanyakannya bukanlah mereka yang benar-benar mengetahui akan faedahnya ataupun akan kebaikkannya pelajaran. Kerana kebanyakan ibubapa ini pagi-pagi bangun pergi berusaha ke ladang-ladang, ke sawah-sawah, ke bendang dan sebagainya, bila balik sahaja mereka terus berkemas dan beramal ibadat, langsung tidak melihat apakah yang dipelajari oleh anak-anak mereka pada sebelah pagi di sekolah. Jadi dengan demikian, pihak guru-guru di luar bandar tidak mendapat bantuan daripada pihak ibubapa. Demikian juga bilangan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah yang mana keadaannya pada masa sekarang ini kalau tidak silap saya sehingga 45 orang satu aliran. Apa salahnya kalau diturunkan sampai 30 atau 35 orang kerana ini memudahkan guru-guru yang berkenaan memberi bimbingan yang sebaik-baiknya.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan pelajaran yang ada, selalunya bila ada Menteri-menteri ataupun mereka mengadakan hari ucapan, tiap-tiap sekolah biasanya mengadakan majlis pembukaan atau majlis hiburan dengan mengadakan acara nyanyian, muzik dan sebagainya. Mereka ini adalah diajar dengan cara sambilan sahaja khas untuk tujuan mengadakan hari keramaian ataupun hari ucapan. Saya suka mencadangkan supaya Kementerian ini mengadakan kursus satu mata pelajaran seni muzik di sekoah-sekolah yang berkenaan sekurang-kurangnya anak-anak ini daripada peringkat rendah lagi dapat mengenali akan seni muzik terutama muzik yang diajar itu ada unsur-unsur kebudayaan bagi negara kita, kerana ada di antara anak-anak kita langsung tidak dapat mengenali akan unsur-unsur kebudayaan di negara kita sehingga sampai sekolah menengah. Apabila mereka ini hendak mengadakan acara keramaian pada hari ucapan dan sebagainya terpaksalah guru-guru bertungkus-lumus sehingga membuang masa untuk mengadakan acara ini. Jadi saya rasa kalau diasaskan daripada darjah rendah lagi, iaitu daripada peringkat yang paling rendah diadakan guru khas, guru khas itu bukan satu sekolah satu orang, tetapi buat permulaannya seorang guru itu mengajar di tiga atau empat buat sekolah dan berilah sedikit tambang perjalanan daripada satu sekolah ke sekolah yang lain. Di samping itu, sebagai galakkan kita mengadakan satu atau dua orang pada tiap-tiap sebuah negeri seorang penyelia atau pengelola seni muzik ini. Jadi dengan tidak secara langsung saya rasa dengan lawatan penyelia muzik ini ke sekolah-sekolah yang berkenaan ada kemungkinanlah guru-guru yang lain di sekolah yang berkenaan mengambil berat kerana ada pegawai datang patutlah bersiap sedia, bukan semestinya ada Nazir Bebas dan sebagainya guru ini baru bersedia, tetapi jikalau ada pegawai daripada bahagian muzik ini datang mereka akan bersedia kerana ada kemungkinan dia boleh juga diberi kuasa menyentuh sedikit berkenaan dengan pelajaran ini.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan Pecahan-kepala 4100 muka surat 206 Aktiviti (8) (*a*)—Biasiswa Kecil Persekutuan (Tingkatan I-V). Apa yang mendukacitakan ibubapa bila sesebuah sekolah itu ada berkemampuan atau berkebolehan sedikit anak-anaknya untuk melanjutkan pelajaran samada murid-murid ini atau pelajar-pelajar ini di peringkat menengah lulus di Tingkatan III samada dia bersetuju atau tidak dalam aliran yang disogokkan, maka pelajar ini dihantar ke sebuah sekolah lain mengikut pelajaran sains misalnya. Tetapi malang bagi anak-anak ini diarahkan ke sekolah yang sama keadaannya dengan tidak ada kemudahan-kemudahan tempat tinggal dan sebagainya. Walau bagaimanapun, oleh kerana semangat murid-murid

ini untuk belajar mereka tinggal juga dengan mengharapkan sesuatu biasiswa atau hadiah daripada mana-mana badan yang tertentu. Tetapi apabila dikeluarkan pengisytiharan ada yang tertinggal dan mengikut perincian kebanyakan pelajar-pelajar ini adalah mereka yang benar-benar tidak mampu untuk membiayainya dan ada kemungkinan kalau mereka ini tidak diawasi atau ditanggung oleh guru-guru sekolah yang berkenaan, iaitu guru ini terpaksa berkorban daripada wang badan kebajikan untuk menanggung anak-anak ini. Yang anihnya pula mereka yang dikira mampu boleh membiayai pelajaran ini pula yang mendapat biasiswa. Jadi tentulah mereka ini akan menjadi lebih gembira dan lebih bersemangat lagi untuk belajar di sekolah yang tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P. 29 Pecahan-kepala 1 dan 2.

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala berapa?

Tuan Abu Bakar bin Arshad: 1 dan 2.

Saya mengucapkan terima kasih yang mana di kawasan yang saya wakili bolehlah dikatakan hampir keseluruhan pelajar-pelajar ataupun murid-murid sekolah rendah dapat belajar sebelah pagi, jadi ini membanggakan saya. Tetapi walau bagaimanapun, ada dua atau tiga buah sekolah lagi yang masih belajar pagi dan petang.

Saya ingin memberikan sedikit pandangan kepada bangunan-bangunan sekolah yang dibuat pada tahun 50an dan 60an yang keadaannya sama seperti kotak, tidak mempunyai jendela hanya mempunyai pintu sahaja, kemudian di sebelah atasnya ada jaring-jaring dan luas sekolah itu keluasannya 25′×35′. Catnya hitam, bila panas maka bersilatlah guru dan murid di dalam sekolah itu, akibatnya bila guru panas guru ini akan melakukan sesuatu yang diluar dugaan dan dituduhlah guru ini seorang guru yang bengis, zalim kepada murid-muridnya.

Saya rasa sudah sampai masanya Kementerian ini menukarkan dinding sekolah itu dengan membina tingkap supaya selesa sedikit guru itu mengajar. Bila guru selesa tentulah murid-murid dapat belajar dengan baik tidaklah duduk seperti di dalam sebuah bilik yang bertutup angin sahaja di atas, bila tengahari panas dan belakang guru itupun kena panas, manakala di sebelah petang pula panas datang dari sebelah sana mengenai guru itu juga. Jika keadaan yang seperti ini saya rasa sudah tidak sesuai lagi, rakyat akan bertanya bilakah keadaan seumpama ini hendak direpair? Jurutera JKR pula mengatakan cekgu ini mahu dibina bahagian atap yang panjang dan simin juga dipanjangkan. Tetapi ada guru di sekolah lain mengatakan: Tuan, saya tidak mahu dibina atap panjang dan simin, itu dipanjangkan tetapi saya mahu ada tingkap maka melentinglah jurutera JKR ini mengatakan ini tidak ada dalam pelan—mana boleh. Sekiranya ada guru tidak mahu, tidak mengapa tidak payah dibina tetapi syukur dua tiga hari kemudian datanglah jurutera ini mahu pula dipinda pelan dan boleh dipinda bangunan itu. Saya rasa banyak lagi bangunan-bangunan seumpama ini perlulah diganti, bukan hendak bangunan baru, orang kampung di luar bandar ini bukan hendak bangunan baru, bukan hendak kipas angin, air-conditioned seperti Dewan yang mulia ini. Tetapi orang kampung dan guru yang hendak ialah supaya dibina jendela supaya angin boleh keluar masuk, tidaklah seperti yang saya sebutkan tadi, bila tengah hari lepas rihat, maka guru akan berkipas membuang bau-bau yang datang daripada murid-murid yang peringkat rendah ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Jumaat, 26hb November 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.